



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA



INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS RAJANG

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS RAJANG

JURNAL PENYELIDIKAN

JILID KE-12
DISEMBER 2023





KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Jurnal Penyelidikan



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS
RAJANG**

JILID KE-12 DISEMBER 2023

ISSN 2231 - 7392

Artikel Rajang

INSTITUT PENDIDIKAN GURU

KAMPUS RAJANG

BINTANGOR SARAWAK,

MALAYSIA

ISSN 2231 - 7392

Cetakan Disember 2023

Hak Cipta 2023 @ Institut pendidikan Guru Kampus Rajang

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, dicetak, disalin dan disiarkan bagi tujuan komersial dalam apa-apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pemegang hak cipta.

LEMBAGA PENASIHAT/ADVISORY BOARD

En. Yahya Bin Sedik

En. Salahuddin Bin Mohamed Nor@ Nor

KETUA EDITOR/CHIEF EDITOR

WONG MEE LENG

REKABENTUK KULIT BUKU/COVER PAGE DESIGN

En. Chong Siew Kit

PENGURUS JURNAL/GUEST EDITOR

Pn. Felicita Yii Meei Yong

COPY EDITOR (PROOFREAD)

Dr. Jefridin Bin Pilus

Panel Pewasit Luar dan Panel Pewasit Dalam / External

Reviewers and Internal Reviewers

Prof. Dr.Bromeley Philip

Cr. Dr. Alan Ling Ying Leh

Dr. Jefridin Bin Pilus

Dr. Yek Siew King

Dr. Chin Ngien Siong

Dr. Cindy Wong Chyee Chen

Dr. Rabahyah Binti Tahir

Dr. Roziyah Binti Mohamad Ali

Dr. Tiong Leh Ling

Dr. Corella Anak Stephen

Dr. Engkasan Anak Inchang

FOREWORD



Yahya Bin Sedik
The Director
Institute of Teacher Education,
Rajang Campus, Sarawak

*A*ssalamualaikum, Salam Malaysia Madani.

A warm greeting to everyone, and heartfelt thanks to those who contributed their articles, playing a pivotal role in the success of Journal Rajang Volume 12, 2023. It is truly heartening to witness the commitment of contributors dedicated to enriching the academic community with valuable research findings.

I appreciate your unwavering support and cooperation, particularly in the face of challenges associated with our core responsibilities. Moving forward, I encourage more educators to contribute their insights to Journal Rajang in the upcoming volume, helping shape it into a central hub for insightful research. May the journal continue to inspire aspiring writers and contributors.

Once again, thank you for your contributions and dedication to academic excellence.

Wassalam

SENARAI KANDUNGAN

1. PERSEPSI MURID MPV-TANAMAN MAKANAN TERHADAP PENGGUNAAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DALAM PROJEK PERTANIAN BANDAR DI SMK TATAU.

Jelang anak Nyala , Ruhizan Mohd Yassin

2. THE IMPLEMENTATION OF 21st CENTURY TEACHING AND LEARNING BEFORE AND DURING COVID-19 OUTBREAK: INVESTIGATING SCHOOLS READINESS FOR DIGITALIZATION OF EDUCATION

Philemon Kana Anak Panting

3. PENDEKATAN VISUALISASI: TEKNIK PAPAN TAMBAH TOLAK ASAS NOMBOR DALAM PENGUASAAN KEMAHIRAN MENAMBAH DAN MENOLAK ASAS NOMBOR YANG SAMA BAGI MURID TINGKATAN 4

Kheong Sia Chung

4. HUBUNGAN ANTARA MINAT KERJAYA MURID DAN PERSONALITI MURID TERHADAP PEMILIHAN KERJAYA MURID DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JULAU, SARAWAK

Daniel Lu Yew Ching

5. GURU PERMULAAN DARI PERSPEKTIF PIHAK PENGURUSAN SEKOLAH

*Wong Siew Jew , Mohd Fariq Arrifin Bin Abdullah ,
Yong Zhen Qi*

6. A STUDY OF TEST ANXIETY AMONG FORM SIX STUDENTS IN A SPEAKING TEST IN MALAYSIA

Lina Liong, Felicita Yii Meei Yong

7. PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DALAM (PBD) DALAM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS PENDENGARAN SEKOLAH RENDAH

Mohd Hanafi bin Ismail, Madinah Mohd Yusof (PhD), Mahidin Awang Itam, Siti Muhibah Hj Nor

8. KESEDIAAN GURU SEJARAH MELAKSANAKAN PENDIDIKAN SIVIK DI SEKOLAH RENDAH DARI ASPEK PENGETAHUAN, SIKAP DAN PENGALAMAN MENGAJAR.

Alexander Jakie anak Andrew Tegang, Anuar bin Ahmad

9. ENHANCING READING SKILLS AMONG PRIMARY SCHOOL PUPILS USING TUPSIAN LOCOMOTIVE APPROACH

Nurul Intan Hipni Helen Binti Kenol, Shirley Salvina Anak Jeson, Sharifah Manirah Binti Wan Zain

10. PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK 'GREEN FURNITURE' DALAM MENINGKATKAN KESEDARAN MURID TINGKATAN DUA MENGENAI ISU PENGURUSAN ALAM SEKITAR DALAM SUBJEK GEOGRAFI

Siti Rozaidah binti Zainalabidin

PERSEPSI MURID MPV-TANAMAN MAKANAN TERHADAP PENGGUNAAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DALAM PROJEK PERTANIAN BANDAR DI SMK TATAU.

Jelang anak Nyala¹, RuhizanMohd Yassin²
Universiti Kebangsaan Malaysia
p112105@siswa.ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan persepsi murid aliran matapelajaran vokasional (MPV) Tanaman Makanan terhadap penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam projek Pertanian Bandar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tatau. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi murid MPV- Tanaman Makanan terhadap aplikasi tenaga boleh diperbaharui berbanding sumber tenaga konvensional dan juga untuk mengenal pasti tahap penerimaan mereka terhadap aplikasi tenaga boleh diperbaharui dalam projek pertanian bandar yang dijalankan di sekolah. Kajian menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik telah dijalankan ke atas murid (n=47) elektif vokasional Tanaman Makanan SMK Tatau. Dengan menggunakan analisis statistik deskriptif, kajian ini mendapati persepsi murid vokasional Tanaman Makanan SMK Tatau terhadap penggunaan sumber tenaga boleh dibaharui adalah positif pada tahap 'setuju'. Responden mendapati kelebihan utama penggunaan tenaga boleh diperbaharui berbanding sumber tenaga konvensional adalah 'Penggunaan tenaga solar tidak melibatkan bayaran bil bulanan', diikuti, 'Penggunaan tenaga solar didapati tidak melibatkan belanja penyelenggaraan yang besar'. Manakala kekurangan utama penggunaan tenaga boleh diperbaharui berbanding sumber tenaga konvensional dapatan kajian ini pula, adalah 'Penggunaan tenaga solar dipengaruhi oleh keadaan cuaca yang tidak menentu' diikuti 'Pengetahuan terhadap penggunaan tenaga boleh diperbaharui masih kurang dalam kalangan masyarakat'. Memandangkan sumber tenaga fosil yang semakin berkurangan, masyarakat tidak dapat bergantung selamanya kepada sumber tenaga konvensional dalam memenuhi keperluan harian. Atas kesedaran ini, pendidikan ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penggunaan tenaga boleh diperbaharui adalah langkah yang patut diberikan perhatian. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu golongan guru mahupun penyelidik bidang tenaga boleh diperbaharui dalam usaha untuk menggalakkan aplikasi sumber tenaga boleh diperbaharui dalam bidang pendidikan yang berkesan pada masa akan datang.

Kata kunci: Tenaga Boleh Diperbaharui, Pendidikan Tenaga Boleh Dibaharui, Pendidikan Vokasional Tanaman Makanan, Pendidikan Konstruktivisme

1.0 PENGENALAN

Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) 2019, tenaga boleh diperbaharui adalah merujuk kepada sumber tenaga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada haba yang datang dari cahaya matahari atau dari lapisan dalam bumi yang berlaku secara berterusan, kesan daripada proses semula jadi. Sumber tenaga boleh diperbaharui yang dimaksudkan adalah seperti solar, angin, biofuel, geoterma, kuasa hidro, sumber lautan dan hidrogen. Pelbagai kajian giat dilakukan di seluruh dunia bagi meneroka dan menggunakan sumber semula jadi tersebut agar dapat menampung keperluan sumber tenaga untuk keperluan manusia sejagat. Malaysia juga tidak ketinggalan terutamanya dalam meningkatkan kebolegunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dalam kalangan masyarakat melalui kempen kesedaran kepada rakyat di setiap lapisan terutamanya generasi muda. Antara langkah yang dapat dilakukan adalah dengan menyediakan peluang latihan yang sesuai, terutamanya bagi meningkatkan kesedaran kepada sumber tenaga boleh diperbaharui dalam kalangan generasi baru.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Malaysia telah meletakkan cita-cita untuk menjadi sebuah negara yang bebas karbon menjelang tahun 2050. Hasrat ini adalah selaras dengan seruan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) agar semua negara di dunia mematuhi Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*-SDGs) seperti dalam Perjanjian Paris pada tahun 2015. (United Nations SDGs, 2019). Dalam perjanjian tersebut Malaysia juga telah menyasarkan penurunan kadar pelepasan Gas Rumah Hijau (*Green House Gas*- GHG) kepada 45% menjelang tahun 2030. Bagi meralisasikan matlamat tersebut Malaysia perlu menurunkan kadar pelepasan GHG dan melindungi sinki karbonnya. Seterusnya negara perlu mengorak langkah untuk mempercepatkan penggantian penjanaan tenaga berasaskan bahan api fosil dengan menggantikannya dengan alternatif pelbagai sumber tenaga boleh diperbaharui yang lebih mesra alam. Jika usaha tersebut gagal, Malaysia pula akan berdepan dengan implikasi penurunan penarafan dari segi ekonomi yang akan memberi kesan terhadap daya saing negara di peringkat antarabangsa.

Antara bidang fokus utama yang telah dibuat oleh kerajaan adalah pelaksanaan pertumbuhan hijau bagi memacu perubahan daripada trajektori pembangunan konvensional kepada yang lebih mesra alam. Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11, 2017) melaporkan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan Malaysia dalam menuju pertumbuhan hijau, antaranya adalah untuk memperkukuhkan persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau. Di bawah inisiatif mekanisme kewangan mampan misalnya, kerajaan telah meluluskan insentif cukai Projek Hijau di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967, kepada 83 projek tenaga solar dengan pelaburan berjumlah RM652.8 juta. Komitmen kerajaan yang tinggi, menunjukkan industri tenaga boleh diperbaharui di Malaysia diberi perhatian yang serius

oleh kerajaan dan dijangka akan semakin berkembang dan semakin penting pada masa depan. Seiring dengan langkah proaktif kerajaan, masyarakat juga patut mengambil peluang untuk menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui ini dengan lebih giat lagi. Semua pihak memainkan peranan yang penting untuk SDGs menjadi kenyataan bagi Malaysia. Meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui patut dimulakan di pelbagai peringkat institusi pendidikan di seluruh negara. Kurikulum pendidikan yang sesuai perlu disusun agar pengetahuan tentang penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dapat disampaikan dengan berkesan dalam kalangan generasi baru.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dari segi sejarah Malaysia telah menyertai usaha untuk meningkatkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui sejak tahun 1997 apabila menandatangani protokol Kyoto dan komited untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Ini diteruskan dengan komitmen berterusan pada tahun 1999 apabila mengumumkan strategi bahan api Kelima di mana sumber tenaga boleh diperbaharui adalah penjanaan kuasa alternatif selain empat sumber bahan api sebelumnya, iaitu minyak, gas, arang batu dan hidro (Maulud et.al. 2012). Yang terkini adalah komitmen Malaysia seperti dalam perjanjian Paris 2015 untuk menjadi sebuah negara yang bebas karbon menjelang 2050. Walau bagaimanapun usaha dan sokongan semua pihak merupakan faktor penting dalam usaha untuk mencapai cita-cita murni tersebut. Namun, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa usaha kerajaan ini tidak sampai kepada rakyat yang di bawah. Zakaria et.al. (2019) melaporkan orang awam tidak mengetahui tentang usaha kerajaan untuk meningkatkan pelaksanaan penggunaan tenaga boleh diperbaharui. Menurut kajian mereka pelaksanaan global teknologi tenaga boleh diperbaharui terjejas dengan ketara oleh "halangan ekonomi" (di mana tiada pelaburan dalam infrastruktur teknologi tenaga boleh diperbaharui) dan "halangan sosial," yang terdiri daripada kekurangan kesedaran, maklumat, serta celik teknologi dalam kalangan masyarakat. Sebelum itu, Keramitsoglou (2016) juga menunjukkan faktor berkaitan kejayaan pendidikan tenaga boleh diperbaharui yang tidak mencukupi. Beliau mendapati punca kelemahan, masih terdapat kekurangan kurikulum dan buku teks pendidikan dalam bidang tenaga boleh diperbaharui yang dapat dijadikan rujukan dan panduan. Maka walaupun dengan perancangan yang baik oleh kerajaan jika akses kepada infrastruktur dan maklumat tentang aplikasi teknologi sumber tenaga boleh diperbaharui tidak mencukupi, maka usaha untuk mengubah persepsi masyarakat dan mempercepatkan peralihan guna sumber tenaga fosil kepada guna sumber tenaga boleh diperbaharui tidak dapat berjalan dengan lancar.

Menurut teori Jean Piaget (1976), seorang pelopor teori Konstruktivisme dalam bukunya *'To Understand is to Invent: The Future of Education'* menerangkan bahawa pengetahuan akan dikembangkan daripada pembinaan pengetahuan oleh seseorang individu apabila individu berkenaan memahami pengetahuan tersebut. Ini bersesuaian dengan cadangan dalam dapatan Zakaria et.al. (2019) agar sukatan pelajaran berkaitan guna sumber tenaga boleh diperbaharui yang

bersesuaian dengan pemikiran generasi muda perlu direka khas agar dapat diterapkan bermula dari peringkat awal pendidikan. Serkan Buldur et al. (2018) pula menyatakan, keberkesanan pengajaran bidang tenaga boleh diperbaharui di sekolah adalah seperti juga pendidikan alam sekitar yang lain, bergantung dengan cara manapendidikan itu akan disampaikan kepada murid-murid. Oleh yang demikian, kajian yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti persepsi murid MPV- Tanaman Makanan terhadap aplikasi tenaga solar dalam projek pertanian bandar yang mereka jalankan di sekolah.

2.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian literatur menunjukkan bahawa usaha kerajaan untuk meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam kalangan rakyat Malaysia masih belum memuaskan. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi murid MPV- Tanaman Makanan terhadap aplikasi sumber tenaga boleh diperbaharui dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc), faktor-faktor yang menyumbang kepada persepsi tersebut dikenal pasti dan penambahbaikan dapat dicadangkan dan persepsi positif dapat ditingkatkan dalam kalangan murid-murid seterusnya masyarakat yang akan membantu meningkatkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui pada masa akan datang. Disamping itu, kajian ini memberi fokus kepada penyebaran maklumat aplikasi sumber tenaga boleh diperbaharui yang sesuai kepada generasi muda khususnya dalam bidang pendidikan vokasional Tanaman Makanan di SMK Tatau.

2.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui persepsi murid MPV-Tanaman Makanan terhadap aplikasi tenaga boleh diperbaharui berbanding dengan sumber tenaga konvensional
- ii. Mengetahui persepsi penerimaan murid MPV-Tanaman Makanan terhadap aplikasi tenaga boleh diperbaharui dalam projek pertanian bandar.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah kajian berbentuk deskriptif kuantitatif. Rekabentuk tinjauan ini digunakan kerana ia bersesuaian untuk meninjau persepsi murid MPV- Tanaman Makanan di SMK Tatau. Sampel kajian terdiri daripada 47 (n= 47) yang terdiri daripada 24 orang murid lelaki dan 23 orang murid perempuan. Pemilihan sampel adalah berdasarkan kriteria mereka sebagai kumpulan murid yang menjalankan projek amali atau "hands-on" berkaitan tanaman makanan di SMK Tatau. Dalam kajian ini satu projek inovasi menggunakan aplikasi tenaga solar telah dijalankan ke atas projek Pertanian Bandar yang menggunakan teknologi pengeluaran tanaman secara akuaponik. Instrumen kajian pula menggunakan satu set soal borang selidik yang diadaptasi daripada kajian Nur Akalili dan Nurfaradila (2021).

Soal Selidik dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian A, B, dan C. Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat

latar belakang responden manakala Bahagian B dan C mengumpul data mengenai persepsi responden, iaitu murid MPV-Tanaman Makanan terhadap aplikasi sumber tenaga boleh baharu solar dalam projek pertanian bandar.

Bahagian A (Maklumat diri) adalah soal selidik untuk mendapatkan maklumat diri responden. Bahagian B adalah soal selidik untuk melihat persepsi responden terhadap penggunaan tenaga boleh baharu berbanding dengan sumber tenaga konvensional. Dan bahagian yang terakhir, bahagian C adalah soalan tinjauan terhadap penerimaan murid terhadap aplikasi sumber tenaga boleh baharu dalam projek pertanian bandar yang mereka jalankan. Untuk Bahagian B dan C, setiap soalan akan dikira skor dengan menggunakan skala Likert di mana skala 1 adalah paling tidak setuju, skala 2 mewakili tidak setuju, skala 3 mewakili skor yang neutral, skala 4 mewakili setuju dan skala 5 mewakili paling setuju. Skor untuk setiap soalan akan dijumlahkan dan dipersembahkan dalam nilai frekuensi, peratus dan min. Pengiraan untuk mendapatkan skor min adalah menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science (SPSS 29.0)*.

Instrumen dibina dalam bentuk elektronik dengan menggunakan *Google Form* dan diedarkan secara dalam talian menggunakan aplikasi media sosial iaitu *Whatsapps*. Tempoh untuk instrumen diedarkan adalah pada minggu pertama bulan Disember 2022 sehingga minggu pertama Januari 2023.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian A

Maklumat yang berkaitan dengan latar belakang responden ditunjukkan oleh Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Taburan Demografik Responden

		Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	24	51.0
	Perempuan	23	49.0
Lokasi	Bandar	12	25.5
	Luar bandar	35	74.5
Ada menggunakan sumber TBB		29	61.7
Pernah berkebun kecil-kecilan		44	93.6

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 61.7% daripada responden mempunyai latar belakang yang pernah menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui di rumah atau di sekolah sebelum kajian ini dijalankan. Demografi responden juga menunjukkan, 74.5% daripada mereka adalah murid luar bandar. Majoriti responden, iaitu 93.6% pernah terlibat dengan projek pertanian luar bandar samada di sekolah mahupun di rumah.

Bahagian B

Untuk bahagian B dan C, data yang diperolehi dianalisis dengan mendapatkan nilai skor min. Skala Likert yang digunakan di dalam instrumen kajian adalah

dengan menggunakan aras persetujuan Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Sangat Setuju (Ghafar dan Najib, 1999). Kemudian, aras persetujuan skala Likert telah diubahsuai dan digunapakai dengan skor min 1.00 hingga 2.4 adalah Tidak Setuju, 2.41 hingga 3.80 adalah Sederhana Setuju dan skor min 3.81 hingga 5.00 adalah Setuju (Weirisma dan Stephen, 2000).

Jadual 2

Perbandingan Antara Aplikasi Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy*) Dengan Sumber Tenaga Konvensional

Domain	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Skor min	Aras Persetujuan
Pemasangan sistem solar lebih selamat	Sangat Tidak Setuju	3	6.4	3.62	Sederhana Setuju
	Setuju	1	2.1		
	Tidak Setuju	15	32.0		
	Tidak Pasti	16	34.0		
	Setuju Sangat Setuju	12	25.5		
Sumber tenagasolar tidak terjejas oleh gangguan elektrik	Sangat Tidak Setuju	1	2.1	3.57	Sederhana Setuju
	Setuju	7	14.9		
	Tidak Setuju	14	29.8		
	Tidak Pasti	14	29.8		
	Setuju Sangat Setuju	11	23.4		
Penggunaan tenaga solar tidak melibatkan bayaran bil bulanan	Sangat Tidak Setuju	7	14.9	3.91	Setuju
	Setuju	1	2.1		
	Tidak Setuju	5	10.6		
	Tidak Pasti	10	21.3		
	Setuju Sangat Setuju	24	51.1		
Penggunaan tenaga solar tidak melibatkan belanja penyelenggaraan yang besar	Sangat Tidak Setuju	1	2.1	3.90	Setuju
	Setuju	6	12.8		
	Tidak Setuju	6	12.8		
	Tidak Pasti	18	38.3		
	Setuju Sangat Setuju	16	34.0		
Penggunaan sumber tenaga solar lebih tahan lama	Sangat Tidak Setuju	1	2.1	3.36	Sederhana Setuju
	Setuju	4	8.5		
	Tidak Setuju	25	53.2		
	Tidak Pasti	11	23.4		
	Setuju Sangat Setuju	6	12.8		

Sumber tenaga boleh diperbaharui mempunyai masa depan yang lebih cerah	Sangat Tidak Setuju	1	2.1	3.34	Sederhana Setuju
	Setuju	8	17.0		
	Tidak Setuju	23	48.9		
	Tidak Pasti	4	8.5		
	Setuju	11	23.4		
	Sangat setuju				

Nilai frekuensi, peratus, skor min dan aras persetujuan untuk setiap domain boleh didapati daripada jadual 2 tersebut. Berdasarkan analisis Skala Likert, skor min untuk kedua-dua domain 'Penggunaan tenaga solar tidak melibatkan bayaran bil bulanan' dan 'Penggunaan tenaga solar tidak melibatkan belanja penyelenggaraan yang besar', tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dan berada di aras persetujuan yang sama iaitu 'Setuju', dengan skor min masing-masing adalah 3.91 dan 3.90. Sementara itu, empat domain yang lain iaitu, 'Pemasangan sistem solar lebih selamat' (M = 3.62), 'Sumber tenaga solar tidak terjejas oleh gangguan elektrik' (M = 3.57), 'Penggunaan sumber tenaga solar lebih tahan lama' (M = 3.36), 'Sumber tenaga boleh diperbaharui mempunyai masa depan yang lebih cerah', (M = 3.34) berada pada aras persetujuan yang sama iaitu 'Sederhana Setuju'. Secara dasarnya, dapatan kajian ini menunjukkan persepsi responden terhadap perbandingan antara aplikasi tenaga boleh diperbaharui dengan sumber tenaga konvensional adalah berada pada aras sederhana setuju.

Bahagian C

Dapatan analisis yang ditunjukkan Jadual 3 di bawah adalah untuk menjawab objektif kajian yang kedua iaitu: "Mengenalpasti penerimaan murid MPV-Tanaman Makanan terhadap aplikasi tenaga boleh baharu (*Renewable Energy*) dalam projek pertanian bandar."

Jadual 3

Penerimaan murid MPV-Tanaman Makanan terhadap aplikasi tenaga boleh baharu (*Renewable Energy*) dalam projek pertanian bandar.

Domain	Skala Likert	Frekuensi	Peratus (%)	Skor min	Aras Persetujuan
Aplikasi tenaga boleh baharu -solar menarik minat saya kepada bidang pertanian	Sangat Tidak Setuju	0	0.0	4.26	Setuju
	Setuju	1	2.1		
	Tidak Setuju	7	14.9		
	Tidak Pasti	18	38.3		
	Setuju	21	44.7		
	Sangat Setuju				

Berdasarkan analisis Skala Likert, skor min untuk domain 'Saya mendapati aplikasi tenaga boleh baharu -solar (*Renewable Energy*-solar) dalam projek pertanian bandar menarik minat saya kepada bidang pertanian berasaskan teknologi' berada di aras persetujuan 'Setuju' dengan nilai skor min 4.26. Nilai ini didapati tinggi untuk menunjukkan bahawa murid MPV-Tanaman Makanan SMK Tatau setuju bahawa aplikasi tenaga boleh diperbaharui-solar dalam

projek pertanian bandar dapat menarik minat mereka kepada bidang pertanian berasaskan teknologi. Dapatan ini memberikan harapan kepada masa depan integrasi penggunaan tenaga boleh diperbaharui solar dalam pembelajaran bidang teknologi pertanian tanaman makanan dalam kalangan murid vokasional Tanaman Makanan di SMK Tatau.

5. PERBINCANGAN

Malaysia sebagai antara negara yang maju di Asia tentunya tidak mahu ketinggalan dalam persaingan untuk menjayakan pelaksanaan strategi SDGs demi terus relevandalam persaingan ekonomi global. Namun terdapat kajian yang menunjukkan sebahagian masyarakat yang tidak mengetahui tentang usaha kerajaan dan negara untuk meningkatkan pelaksanaan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui di dalam negara (Zakaria et.al., 2019). Antara punca yang diteliti dalam kajian ini adalah terdapat kekurangan kurikulum dan buku teks pendidikan dalam bidang tenaga boleh diperbaharui. (Keramitsoglou, 2016) Kekurangan ini berpotensi dalam menyumbang kepada kelemahan penyampaian maklumat kepada generasi baru. Terdapat kajian yang mencadangkan pendidikan yang memfokuskan kepada alam sekitar dan teknologi tenaga boleh diperbaharui perlu diperkenalkan dari peringkat awal agar dapat menjadi peneraju teknologi tersebut pada masa akan datang (Nowothy et.al., 2018) Oleh yang demikian usaha untuk menyampaikan maklumat tentang penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui ke segenap peringkat lapisan masyarakat terutamanya dalam kalangan murid sekolah patutlah disertai dengan strategi yang bersesuaian agar penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dalam kalangan rakyat dapat ditingkatkan sesuai dengan matlamat SDGs negara.

Sehingga Disember 2022, kajian ini adalah kajian yang pertama dijalankan dalam kalangan murid MPV-Tanaman Makanan Sekolah Menengah SMK Tatau dalam mengenal pasti persepsi murid terhadap penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam projek Pertanian Bandar di sekolah. Kajian ini telah mendapati responden bersetuju dengan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dapat menjimatkan kos pengeluaran tanaman mereka disamping bersetuju bahawa sumber tenaga boleh diperbaharui mempunyai potensi masa depan yang cerah. Penilaian positif ini menunjukkan pendekatan inovasi teknologi sumber tenaga solar dalam projek Pertanian Bandar telah membina persepsi positif terhadap penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui berbanding sumber tenaga konvensional dalam kalangan murid sekolah menengah aliran vokasional SMK Tatau dalam pendekatan kajian ini.

Menurut Illias et al. (2020), tahap kesedaran murid mengenai tenaga boleh diperbaharui di Malaysia masih perlu dipertingkatkan. Bagi Murid MPV_Tanaman Makanan dalam kajian ini pula bukan sahaja positif terhadap aplikasi penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dalam projek pertanian bandar, malah telah menarik minat mereka kepada konsep pertanian bandar itu sendiri apabila menyedari aplikasikan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui itu lebih berdaya saing berbanding sumber tenaga elektrik konvensional. Perkembangan ini memberikan harapan kepada penyelidik bahawa pengintegrasian sumber tenaga boleh diperbaharui seperti solar dalam PdPc Tanaman Makanan dapat menarik kembali minat murid kepada bidang

pertanian. Ini membuktikan bahawa pembinaan modul yang sesuai dalam kajian ini berupaya meningkatkan kesedaran murid dan membentuk persepsi yang positif terhadap pembangunan bidang tenaga boleh diperbaharui dalam bidang pertanian.

6. RUMUSAN

Dapatan kajian ini mendapati persepsi murid MPV Tanaman Makanan SMK Tatau terhadap aplikasi sumber tenaga yang boleh diperbaharui dalam projek Pertanian Bandar adalah positif dan mereka bersetuju bahawa aplikasi tenaga boleh diperbaharui dalam projek Pertanian Bandar telah menarik minat mereka kepada bidang pertanian. Pengalaman dalam kajian ini tentu berguna apabila kelak mereka sudah bekerja dan perlu membuat keputusan berkaitan dengan aplikasi tenaga boleh diperbaharui dalam apa juga bidang yang mereka akan ceburi. Banyak peluang yang disediakan dalam kajian ini bagi murid untuk mempelajari tentang faedah dan kebaikan sumber tenaga boleh diperbaharui dalam projek pertanian bandar yang mereka telah jalankan.

Dari segi teknikalnya, kelancaran kajian ini juga mengambil kira faktor khidmat tenaga kerja mahir dalam bidang tenaga solar. Sistem operasi penjana tenaga solar yang cekap dalam kajian ini merupakan faktor penting yang mengurangkan kemungkinan ralat yang boleh mempengaruhi sikap responden terhadap kajian. Oleh itu pembangunan modul pembelajaran berkaitan tenaga solar pada masa akan datang patutlah mengambil kira perkara asas pembangunan sistem solar yang moden bagi memastikan murid mendapat modul pembelajaran yang berkualiti dan boleh diharap. Ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi dan penyelenggaraan sistem secara keseluruhannya.

Dapatan yang diperoleh daripada kajian ini diharap dapat dijadikan rujukan kepada para guru atau penyelidik bidang Tenaga Boleh Baharu dalam membina serta merancang kurikulum yang mampu memenuhi kehendak dan keperluan murid secara holistik dalam bidang tenaga boleh diperbaharui.

RUJUKAN

- Ghafar, A., Najib, M. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru. ISBN 983-52-0150-1
- Hess, D.J. & Collins, B.M. (2018). Climate change and higher education: Assessing factors that affect curriculum requirements.
- Illias, H. A., Ishak, N.S., & Alam, N.A.M.N. (2020). Awareness of Secondary School Students in Petaling Jaya Malaysia Towards Renewable Energy. *International Journal of Renewable Energy Research (IJRER)*, 10(4), 1645-1654.
- International Energy Agency (IEA). Energy technology perspectives. 2012. https://www.iea.org/publications/freepublications/publication/ETP2012_free.pdf. [Accessed 16 April 2019].
- Keramitsoglou K.M. (2016). Exploring adolescents' knowledge, perceptions, and attitudes towards Renewable Energy Sources: A colour choice approach.

- Nur Akalili, M.A. & Nurfaradilla, M.N. (2021) A Survey Study of Secondary School Students' Perception of Online Learning During The Covid-19 Pandemic *jurnal Dunia Pendidikan e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 2, 344-361, 2021*
<http://myjims.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Maulud, A.L.; Saidi, H. The Malaysian Fifth Fuel Policy: Re-strategising the Malaysian Renewable Energy Initiatives. *Energy Policy* 2012, 48, 88–92.[Google Scholar] [CrossRef]
- Nowotny, J., Dodson, J., Fiechter, S., Gür, T. M., Kennedy, B., Macyk, W., & Rahman, K. A. (2018). Towards global sustainability: Education on environmentally clean energy technologies. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, 81, 2541-2551. <https://doi.org/10.1016/j.rser.2017.06.060>
- Piaget, J. (1976). Cognitive Development in Children *Piaget Development and Learning. Journal of Research in Science Teaching*, 2, 176-186.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), (Oktober 2001) Buku Penerangan dan Panduan Penawaran Mata Pelajaran Vokasional di sekolah Menengah Akademik Harian, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan.
- Rancangan Malaysia Ke-11. (2017) Bab 5: Menuju ke arah Pertumbuhan Hijau bagi Meningkatkan Kemampanan dan Daya Tahan (Kajian separuh penggal)
- United Nations Sustainable Development Goals (SDGs). Accessed: May 28, 2019. [Online]. Available: <https://www.un.org/sustainable-development/sustainable-development-goals/>
- Weirisma, W. and Stephen, G. Jurs (2000) *Research Method In Education: An Introduction*
- Yusmail Jusup & Sabariah Sharif. (2021). Kajian Analisis Keperluan: Pembangunan Modul Pembelajaran Literasi Tenaga Pengintegrasian STEM Sekolah Rendah
- Zakaria, S.U., Basri, S., Kamarudin, S.K., & Majid, N.A.A.(2019) Public Awareness Analysis on Renewable Energy in Malaysia. *IOP Conf. Series: Earth and Environmental Science* 268 (2019) doi:10.1088/1755-1315/268/1/012105

BIODATA PENULIS

Jelang anak Nyala merupakan seorang pendidik di SMK Tatau. Mendapat Ijazah Sarjana muda Sains Bioindustri dari Universiti Putra Malaysia Serdang pada tahun 2000.

Prof Dr.Ruhizan merupakan seorang pensyarah di Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Selangor.

The Implementation of 21st Century Teaching and Learning Before and During COVID-19 Outbreak: Investigating Schools Readiness for Digitalization of Education

Philemon Kana Anak Panting

Institute of Teachers Education Rajang Campus, Bintangor,
Sarawak, Malaysia

Introduction

Institute of Teachers Education Rajang Campus had planned a visit to two schools in Kanowit, Sarawak which were an urban vernacular school, IPG/01/07/003/Jld. 3 (36) & (37), and a sub-urban vernacular school, IPG/01/07/003/Jld. 3 (38) & (39), to conduct case-based learnings in the fulfillment of our role as *Rakan Elite* of Transformation School Programme 2025. It was aimed support schools in coping with transformational change towards the 4th Industrial Revolution, IPG/01/07/003/Jld. 3 (35). The schools were varied in average number of pupils in the classroom and the availability of internet access within the schools' community. In a study by *Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara* on parents' involvement in home-based learning, the causes of students' difficulties to study at home were domestic disruptions, slow internet connection and limited ability to gain access to learning materials (Brif Isu Dasar Pendidikan 2020-2021, p. 108, 2021). The trepidation caused by the COVID-19 outbreak had impeded the Ministry's effort to attain the 4th Sustainable Development Goal, quality education. Therefore, the issues stated in the study needed to be improved carefully and meticulously to ensure the cascading processes of education to the learners were aligned with the 4th Industrial Revolution paradigm. In his book, Fullan et. al (2018) predicted that most of the job markets in the future would be replaced by robots. Supported by the former Malaysia education minister in a 21st Century Learning Teachers Campaign Launch, he expressed that 65% of primary school pupils will be employed in occupations or fields that currently do not exist (The Star, 2019). Therefore, 21st century learning skills comprise of technical skills, information management, communication, collaboration, creativity, critical thinking, problem solving, ethical awareness skills, culture awareness, flexibility, self-direction, metacognition, self-efficacy, conscienceness, grit or perseverance and lifelong learning (Lamb et. al, 2017; Doris Choy & Yin Ling Cheung, 2022), aligned with the 6 global competencies; character, citizenship, communication, collaboration, critical thinking and creative thinking; for deep learning (Fullan et. al, 2018) may help to prepare the pupils in the primary school to face the global challenges in the future. Home-based learning and online learning during the pandemic had created opportunities for teachers to nurture 21st century skills among the pupils by leveraging digital technologies. Therefore, teachers having ICT literacies, self-directed learning skills and metacognitive awareness were seen crucial to effectively inculcate the skills by leveraging digital technologies in these learning environments and having pedagogical object and method change to bring a new way of thinking about teaching (Doris Choy & Yin Ling Cheung, 2022; Pettersson 2020). It can be said that the success of teaching and learning in these learning environment would bring education in the country to be aligned with the outcome of the 7th shift of the Malaysia Education Blueprint

2013-2025, where successes were portrayed as having the learners to have access to various engaging and interactive content, self-directed learning conducted according to the learners' pace and the availability of opportunities to choose courses or other upskilling programmes suiting the learners' interest or the pacing demand of skills parallel with the dynamic world through distance learning programmes (MEB 2013-2025, E-20). To go towards this shift, the 6th shift of the MEB needs to be investigated, where the development of the elements of critical, creative and innovative thinking skills to inculcate higher order thinking skills were key elements to succeed in an increasingly globalized world. Throughout this paper, the researcher studied teachers' teaching practices to inculcate 21st century learning skills among the learners before and during COVID-19 pandemic and determining the level of digitalization of the teaching practices in the schools through learning levels in digitalized school in Pettersson (2020). This case-based learning reported qualitative study using face-to-face interview with an English language teacher from the respective schools and observations through video recordings to identify the pedagogical objects used to carry out teaching and learning activity before and during the COVID-19 outbreak. The interview data was analyzed using thematic analysis. Through CHAT theoretical framework, observations of the implementation of cultural objects in teaching and learning activities before and during COVID-19 outbreak were analyzed to determine the level of digitalization of the schools.

21st Century Skills

The COVID – 19 outbreak had put the educators' pedagogical approach in using ICT to the test. It had open an opportunity for the learners to be educated in a distance education programme as had been demanded by the 7th shift of the MEB. 21st century skills needed to be inculcated in teaching and learning activities in this geographic extension to make the learners aligned with the global work force demand. Lamb et. al (2017) coined that every policy maker, researchers and practitioners taking consideration these nine key skills; critical thinking, creativity, metacognition, problem solving, collaboration, motivation, self-efficacy, conscientiousness and grit or perseverance to encourage 21st century teaching and learning practices. The Council of Ontario Directors of Education (2017) focusing on six essential 21st century skills which were critical thinking and problem solving, innovation, creativity and entrepreneurship, learning to learn/self-aware and self- directed learning, collaboration, communication and global citizenship and sustainability (Lamb et. al, 2017). The application of these six key skills were portrayed by a secondary student in Ontario, Canada whom has learning difficulties where he had surprised his teachers by being committed in learning (Fullan & McEachen, 2018). He had successfully utilized these six skills preparing himself promoting nutrition to elite sport of his choosing in a class marketing forum, which was attended by former professional sportsman and other sports related worker from the community. His key to deep learning was his passion in the topic learnt. Autonomously, he was engaged and felt more confident learning deeply on the topic.

In a Uruguayan primary school, two pupils had utilized boxes and kits which the teacher eventually let them to explore, into robots. The learning process to make and program the robot was through two hours of Youtube videos (Fullan &

McEachen, 2018). In this activity, the learners utilized their self-directed learning skills where they had learnt autonomously utilizing digital technology. Creative and critical thinking skills, innovative thinking, collaboration and communication were utilized by the learners when the teacher introduced a problem to them, which was to make a robot that could solve problems for humanity. They had chosen to solve problems at a practical demography with authentic problem. The project took the parents' attention and had developed teacher-student partnership. As been commented by the pupils, they were engaged in the project because they had choices in the work.

Research Objective

The study investigates the inculcation of 21st century skills among the learners before and during COVID-19 outbreak. Therefore, the information from the teachers' teaching practices before and during the pandemic may help to identify the stage of digitalization in these respective schools and further examine the schools' readiness toward the 7th shift of the Malaysian Education Blueprint 2013-2025.

The research underpinned these two research questions:

1. What are the teaching practices to inculcate 21st century teaching and learning before and during COVID-19 outbreak in the schools?
- 2.. In which level of digitalization does the schools fall into according to the CHAT theoretical framework?

Methodology

The case study was conducted using qualitative research measure using purposive sampling. Recorded field notes from the researcher's observations with the help of video recording and one-on-one interview with the participants of the case study assisted by video recordings to record the conversation used as the researcher's data collection method.

Observation

Observations were conducted using the observation protocols in reference with Cresswell (p.p, 250 2021) as below:

Research Question

Video Observational Field Notes – The school's environment
Setting: Observer: Role of observer: Observer of object Description of objects: 1. 2. 3.

Field notes written at the site are further crossed check with videos taken to

note the details missed by the researcher. Then, the observation transcript gone through coding process to build codes, themes, layers and an interrelate themes of the record.

Interview

While conducting the interview, the researcher follows the interview protocols in reference with Creswell (p.p 260, 2020) as shown below:

Interview Protocol
Case Study: The Implementation of 21st Century Teaching and Learning Before and During COVID-19 Outbreak
Date: Place: Interviewer: Position of Interviewee: English Language Teacher
The purpose of this study is to investigate the 21st century teaching and learning practices in schools before and during the pandemic. The data of the study will be used to determine the stage of digitalization of the schools. Consent had been received to collect the data for the study as stated in (IPG/01/07/003/Jld. 3 (36)(37) and (IPG/01/07/003/Jld. 3 (36)(39).
Questions: 1. How many subjects do you teach? 2. How many pupils are there in the classroom? 3. How is the learners' participations currently? 4. What are the 21st century teaching and learning activities that had been conducted recently before and during the COVID-19 pandemic? 5. How can you improve your teaching and learning activities?
Thank you for your cooperation. Have a nice day.

A video camera was set up 2 meters away between the interviewer and interviewee with the interviewee consent to ensure accurate record of the conversation. Field notes written at the site are further checked with videos taken to improve the researcher's interview transcript by looking at every detail of the interview process. The interview transcript gone through coding processes through an inductive process by narrowing the data to create codes, themes, layers and an interrelate themes of the record (Cresswell, 2020).

Findings

Observation Findings

The observation findings are based on the researcher's view in the field and review of the observation video to find gist of answers for the research questions. Based on the transcription of the field notes, the researcher processed the notes into codes to determine the sub-theme and theme emerged from the record. The hand-coding process of the transcript is as below:

Code	Hand-Coding of Observation	Theme
Urban School		
The school's connection with government agencies.	The urban school is located one block away of a parking space beside Rajang River bank surrounded by buildings of shop lots. During the researcher's visit, the school had been used as a center for COVID-19 vaccination, where people are lining up at the school while the school's staff, nurses and doctors are working together to attend the visitors.	The school's community.
The Chinese community in the town.	A Foochow association building which is located opposite the school seems to tell a general idea of the majority Chinese clan at the small town.	The school's community.
School's facility	The school has a meeting room with the tables arranged round shaped at the center and next to it, tables are arranged neatly. Steel chairs with cushion attached at the center are widely used in the meeting room. One of the teachers brings an LCD projector from another room. He sets it up meticulously to ensure that its picture projection can be seen clearly.	School's infrastructure support
Learning objects	Projects are nicely displayed in the classrooms and instructions on 21 st century learning activities are accessible to read.	21st century learning
School's facility	LCD projectors, screen projectors wooden desk, plastic chairs, airconditioners and a whiteboard are available in every classroom in the school. Computers in the ICT room are accessible for the pupils to use. The room is equipped with wooden desks, wooden tables, a whiteboard and an air-conditioner.	School's infrastructure support

	The library (a wooden building) in the school is painted beautifully equipped with sofas, books arranged nicely on racks in rows, an air conditioner, three fans and an information centre board.	
Connecting to the world problem: Global citizenship (Global Issue)	Recycled items, plants and edible local plants such as papaya trees, pepper plant, lemongrass, long beans and sweat leaf plant can be seen around the school.	NPDL: 6 C's

Sub-Urban School		
Schools' facility	There is no internet descent internet connectivity available in the school. Plants planted in clay vases are arranged beautifully along the school's front fence. The school's canteen is attached to the side of the back part of the school's hall, facing a wooden house, believed to be the local community's home.	School's infrastructure support
Village setting	The school is located on a cliff beside Rajang River and surrounded by local plants and trees. No other concrete buildings are in sight other than the school's buildings.	The school's community
Multilingual environment	The staircase connecting the first level and the ground floor of the building are painted with wordings in dual language (English-Chinese). Moreover, information in mono-language, dual-language and multilanguage can be found around the building too.	Bilingualism
School's facility	The school has a bronze-colored brass bell hanged outside of a classroom believed to be used as a warning signal to get immediate attention. No LCD projector is available in every classroom in the school. Whiteboards, wooden desks, wooden chairs and plastic chairs are widely used in the school.	School's infrastructure support

Learning Objects	Information such as I-think maps, academic notes, parking lot are available in every classroom. Multilingual information and class projects are arranged creatively and nicely around the school. Almost every classroom has a mini library.	21st century teaching and learning
Connecting to the world problem: Global citizenship (Global Issue)	Vegetables, such as chilli pepper, tapioca leaves, yam, sweat leaf plant and flowers are planted under the basketball backboard. Rubber trees, cacao tree and durian trees can be seen acting as the school's fence.	NPDL: 6 C's

Interview Findings:

The interview findings were based on the researcher's one-to-one interview with one of the English language teachers in the respective schools. Video recordings were taken with the interviewee's concern and the interview protocol was shown to the interviewee. The interview questions were reviewed by the interviewees to ensure that it is not opposing to his values or found it controversial. The video recordings of the interviews were reviewed by the researcher to validate the accuracy of the transcriptions. The researcher used code-switching between English language and Malay language throughout the interviews to appreciate the multilingual ability of the interviewees, noting the L1 and L2 of the researcher and the interviewees were different.

Based on the transcription of the interviews, the researcher processed the transcription into codes to determine the sub-theme and theme emerged from the record. The hand-coding process of the transcript is as below:

Code	Hand-Coding of Urban School Interview Transcript	Themes
Teacher's current teaching experiences	Subject taught: English language (3 classes, year 2, 5 & 6), Moral Education (1 class), PJK (1 class) and arts (2 classes).	Teacher's Teaching Background
Self-regulation, responsibility, and integrity	The learners will be brought for a class trip to know them better.	6Cs: Character
Classroom size	Year 2: 19 pupils in a classroom Year 5: 21 pupils in a classroom Year 6: 25 pupils in a classroom	Classroom Background
Seating	Before the pandemic the learners are	21st Century

arrangement in the classroom to support collaboration	seated at a designed seating shape to support collaboration practices in the classroom.	Teaching and Learning Setting
Collaboration practice during the pandemic	Verbal instructions to promote collaboration in teaching and learning activities.	21st Century Teaching and Learning Practices
Online learning	Whatsapp and google meet are widely used for teaching and learning activities. Google meeting with the learners are limited to 3 meets per day. Whatsapp was utilized for asynchronous learning activities where the teacher gives information on learning activities through Whatsapp application.	21st Century Teaching and Learning
Teaching and learning activity in online setting	Worksheets are widely used rather than task based activities in online learning due to discouraging learners' participation in google meet meetings. Google meet are used for pedagogical practices where the learners are given guidance to fulfil the tasks in worksheets given and as for the learners that are not attending the google meet, andragogical practices take place through other media. Grouping activities in online environment are hard to be executed because of the learners discouraging participation in the activities.	21st Century Teaching and Learning
Cause of the limitation to conduct collaboration during online class	Intermittent internet connection and device possession limits collaboration practices in the lesson. To overcome this ambiguity, the participant limit the lesson not more than one activity.	21st Century Teaching and Learning
Pupils' engagement in the classroom	CEFR learning activities recommended in the textbook are suitable for 21 st century learning where the learners enjoyed role play activities (before the pandemic).	21st Century Teaching and Learning

Collaboration	Peer teaching are encouraged in the learning activities and the classroom seating had impacted the learners' collaboration flow to be positive (before the pandemic).	21st Century Teaching and Learning
Self-directed learning encouraging creative thinking skills	The participant was forgiving in the classroom environment where he had encouraged the learners to be creative with learning materials (before the pandemic).	21st Century Teaching and Learning
Self-directed learning utilizing critical and creative thinking skills	In action verb lesson, the participant had allowed the learners to create their own action showing they understand the meaning of the words learnt (before the pandemic).	21st Century Teaching and Learning
Teacher's reflective practice towards improvement	The participant wants more creative production to be created by the learners as he had seen positive impact in the learners' communication ability in English language from active learning activity.	21st Century Skills

Code	Hand-Coding of Sub-Urban School Interview Transcript	Themes
Teacher's current teaching experiences	<i>Subjects taught: Malay Language (Year 3 and 5), English Language (Year 4 and 2), Physical Education and Music education.</i>	Teacher's Background
Classroom size	<i>English Language classroom: Year 4 has 13 pupils and Year 2 has 9 pupils.</i>	Classroom Background
Mixed-ability learners	<i>In Year 4 English language classroom, 4 pupils are good learners, 5 – 6 learners are average learners and 3 – 4 pupils are considered as very weak learners.</i>	Pupils' Background in the Classroom
Berdasarkan kepada temu bual terhadap murid yang dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan masih ramai murid gagal menyelesaikan tambah dan tolak asas nombor yang sama adalah keliru menambah dan menolak dalam bentuk lazim. Jadual 5 di bawah menunjukkan hasil dapatan daripada temu bual yang dijalankan terhadap murid.


Jadual 5: Hasil Temu Bual dengan Murid

Bil	Faktor	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Tidak minat tajuk Asas Nombor	8	12.3
2.	Tidak faham konsep Asas Nombor	13	20.0
3.	Keliru kaedah bentuk lazim yang biasa digunakan	37	56.9
4.	Kurang membuat latihan	7	10.8
	Jumlah	65	100.0

3.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Penyelidikan ini menggunakan dapatan ujian pra dan ujian pasca untuk menjawab persoalan kajian iaitu adalah terdapat peningkatan tahap penguasaan 10 orang murid tingkatan 4 dalam kemahiran menambah dan menolak asas nombor sebelum dan selepas menggunakan teknik visualisasi Papan Tambah Tolak Asas Nombor. Terdapat 2 kemahiran yang diuji di dalam ujian pra dan ujian pasca. Soalan 1, 4, 6, 7, 9, 10, 11 dan 14 menguji kemahiran menambah asas nombor, manakala soalan 2, 3, 5, 8, 12, 13 dan 14 pula menguji kemahiran menolak asas nombor. Rajah 1 menunjukkan perbandingan terhadap jumlah responden yang berjaya menguasai kemahiran yang diuji di dalam ujian pra dan ujian pasca.

Rajah 1: Graf Palang Keputusan Ujian Pra Dan Pasca Bagi Murid 1 Hingga Murid 10.



Dalam Rajah 1, ujian pra menunjukkan responden paling tinggi hanya dapat menjawab 8 daripada 15 soalan dengan tepat dan betul. Selepas intervensi dilaksanakan, keputusan ujian pasca menunjukkan peningkatan yang lebih baik berbanding ujian pra untuk semua responden. Kesemua 10 responden berjaya menjawab betul lebih daripada 13 daripada 15 soalan atau dalam erti kata lain mereka berjaya menguasai kemahiran menambah dan menolak asas nombor dengan menggunakan teknik visualisasi Papan Tambah Tolak Asas Nombor. Malah, terdapat 3 orang responden menjawab semua betul dan tepat bagi 15 soalan yang diberikan. Sehubungan dengan itu, Jadual 6 di bawah menunjukkan maklumat terperinci tentang perbandingan peratus penguasaan responden terhadap kemahiran yang diuji di dalam ujian pra dan ujian pasca.

Jadual 6: Perbezaan Peratus Responden yang Menjawab Dengan Betul Berdasarkan Ujian Pra dan Pasca

UJIAN	KEMAHIRAN			
	Penambahan Asas Nombor [Soalan 1, 4, 6, 7, 9, 10, 11, 14]		Penolakan Asas Nombor [Soalan 2, 3, 5, 8, 12, 13]	
	Bil. Responden	Peratus	Bil. Responden	Peratus
UJIAN PRA	3	30.0%	2	20.0%
UJIAN PASCA	9	90.0%	9	90.0%
PERBEZAAN (+ / -)	6	60.0%	7	70.0%

3.3 Keberkesanan Intervensi Papan Tambah Tolak Asas Nombor

Intervensi ini dilihat berpotensi untuk memberi kefahaman yang jelas kepada

murid berkenaan konsep asas nombor. Ini membuktikan kajian Hanim Nadrah (2015), menyatakan kaedah pembelajaran visual dapat meningkatkan kefahaman murid dalam mempelajari mata pelajaran matematik. Selain itu, murid akan lebih bermotivasi mempelajari matematik dengan lebih mudah (Ildawati dan Sofwan, 2022). Penggunaan *powerpoint* dalam menggunakan kaedah Papan Tambah Tolak Asas Nombor ini banyak membantu murid dan guru dalam pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Papan Tambah Tolak Asas Nombor memberi kesan yang positif terhadap murid dalam penguasaan kemahiran menambah dan menolak asas nombor yang sama.

1.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, faktor yang menyebabkan murid tidak dapat menyelesaikan tambah dan tolak asas nombor yang sama adalah murid keliru dan tidak dapat menggambarkan secara visual bagaimana cara menambah dan menolak asas nombor yang sama. Dengan adanya Papan Tambah Tolak Asas Nombor, murid dapat memahami dengan jelas secara visual bagaimana cara menambah dan menolak dengan lebih berkesan sekaligus memberi motivasi kepada murid untuk menjawab soalan yang berkaitan.

Kesimpulannya, kajian ini akan memberikan kepentingan kepada pelbagai pihak seperti murid, guru dan sekolah. Selepas kajian ini dilaksanakan, penguasaan terhadap kemahiran murid dalam menambah dan menolak asas nombor yang sama telah meningkat. Bukan itu sahaja, malah kualiti pengajaran guru dapat ditambahbaik kerana kajian ini dapat membantu guru bagi mengenal pasti kesilapan penguasaan konsep menambah dan menolak asas nombor yang sama.

Penggunaan Papan Tambah Tolak Asas Nombor telah merangsang murid untuk meneroka dan menguasai topik yang dipelajari dengan cara menarik dan menyeronokkan. Kajian Lanjutan boleh dibuat menggunakan analisis data untuk mendalami keberkesanan dan meneroka potensinya dengan lebih baik. Selain itu, adalah dicadangkan agar satu BBM berbentuk fizikal dapat dihasilkan dan diuji keberkesanannya pada masa akan datang.

RUJUKAN

- A. Makina. (2010). The Role of Visualisation in Developing Critical Thinking in Mathematics. *Perspectives in Education*, Volume 28(1), March 2010.
- Hanim Nadrah. (2015). Kesan Kaedah Pembelajaran Visual dalam Usaha Meningkatkan Kefahaman Pelajar bagi Subjek Matematik II. <http://www.researchgate.net/publication/367519737>
- Ildawati Halil & Muhammad Sofwan Mahmud. (2022). Penggunaan Kaedah Visualisasi terhadap Pencapaian Matematik Pelajar: Sorotan Literatur Bersistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*

(MJSSH), *Volume 7, Issue 10*, UKM.

- Kanapathy, G. A. (2016). Kemahiran visualisasi dalam mata pelajaran matematik dalam kalangan murid tahun 5 di sebuah SJKT daerah Kuala Muda Yan, Kedah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. UUM-UMSIDA, 1 Oktober.
- KPM. (2001). Modul Belajar Cara Belajar. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action Research Planner*. Victoria: Deakin University Press.
- Michalos, A. C. (2014). *Encyclopedia Of Quality Of Life And Well-Being Research*. Canada: SpringerReference.
- Norshidah Mohd Salleh & Teo Pei Er. Penggunaan Model VAK (Visual, Auditori dan Kinestetik) dalam Proses Penyelesaian Masalah Matematik Murid Masalah Pembelajaran. *Jurnal dunia Pendidikan*, Volume 4 Issue (2022) June.
- Owolabi, J. (2020). Assessing The Effects Of Digital Mathematical Games On Students' Engagement in Number Bases in Private Secondary Schools on Lagos State. *International Journal of Educational Research and Policy Making*, Vol. 3, Issue 1.
- Rita Novita & Mulia Putra. (2016). Using task like PISA's problem to support student's creativity in Mathematics. *Journal on Mathematics Education*, 7(1), 31 – 42.
- Shiv Kant Tiwari. (2021). Visualization in Mathematics Teaching. *Journal of Advances in Mathematics* 20: 431 – 439.
- Tatre, L. A (1990). Spatial Orientation Skill and Mathematical Problem solving. *Journal of Research in Mathematics Education*, 21(3), 216-229.
- Tran Thi Thu Hien. (2009). Why Is Action Research Suitable For Education? *VNU Journal of Science, Foreign Languages*, 25, 97 – 106.
- Van Garderen, D. (2006). Spatial Visualization, Visual Imagery, and Mathematical Problem Solving of Students With Varying Abilities. *Journal of Learning Disabilities*, 39(6), 496 – 506.

BIODATA PENULIS

Kheong Sia Chung adalah seorang guru di SMK Taman Tunku, Miri. Beliau telah berkhidmat sebagai guru matematik selama 11 tahun. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 2011. Beliau juga mengajar matematik tambahan selama 8 tahun.

HUBUNGAN ANTARA MINAT KERJAYA MURID DAN PERSONALITI MURID TERHADAP PEMILIHAN KERJAYA MURID DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JULAU, SARAWAK

Daniel Lu Yew Ching

SMK Julau, Sarawak

yc_dnl@hotmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengukur hubungan antara minat kerjaya dan personaliti murid terhadap pemilihan kerjaya murid. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan 245 orang responden. Analisis min menunjukkan minat kerjaya responden adalah bidang kerjaya sosial (nilai min 1.3). Dapatan kajian mencatatkan tahap personaliti yang rendah untuk personaliti keterbukaan (min=2.32) dan personaliti ekstraversi (min=2.24). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat kerjaya murid lelaki dan murid perempuan dengan nilai $P > 0.05$. Kajian ini telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan diantara minat kerjaya dengan personaliti murid terhadap pemilihan kerjaya dalam kalangan murid dengan nilai $P < 0.05$. Kesimpulannya, setiap pihak perlu memberi sokongan dan motivasi dalam fasa murid mengenal pasti personaliti diri untuk membantu mereka membuat pemilihan kerjaya yang tepat dengan personaliti dan minat diri.

Kata kunci: kerjaya, personaliti, pemilihan kerjaya, minat kerjaya, RIASEK

1.0 PENGENALAN

Kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan kecekapan pasaran tenaga kerja untuk pertumbuhan ekonomi, memperkasakan sektor TVET untuk memenuhi permintaan industri, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan daya saing, dan meningkatkan kualiti sistem pendidikan untuk meningkatkan kemenjadian murid. Dianggarkan sebanyak 60% sektor pekerjaan memerlukan pekerja yang memiliki kemahiran dalam bidang TVET. Bidang TVET pasti akan menjadi faktor utama kepada perubahan dan kemajuan di Malaysia bagi melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi serta berdaya saing di peringkat global. Menurut Faridah Mariani Johari (1996), persaingan yang hebat di dalam bidang perniagaan dan pekerjaan yang menjadikan pemilihan kerjaya menjadi semakin rumit. Permasalahan utama dalam kajian ini adalah berkaitan dengan pemilihan kerjaya murid. Pemilihan kerjaya murid ini akan secara tidak langsung menyebabkan berlakunya masalah pengangguran di Malaysia. Pengangguran adalah satu masalah besar dalam era globalisasi dan IR 4.0 ini. Menurut data perangkaan pekerjaan dan

perburuhan siri 29 Bil.3/2021 Kementerian Sumber Manusia, Malaysia telah mencatatkan peratus pengangguran pada tahun 2010 adalah 3.3% dan telah menurun sebanyak 0.2% dalam tempoh 5 tahun di mana pada tahun 2015, kadar pengangguran adalah sebanyak 3.1%. Kenaikan kadar pengangguran ini menunjukkan bahawa graduan tidak dapat bekerja malah menghadapi cabaran yang tinggi untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan diri mereka. Kajian ini hanya memfokuskan kepada dua faktor iaitu minat kerjaya dan personaliti berdasarkan teori pemilihan kerjaya Holland dan teori personaliti *Big Five*. Salah satu objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan minat kerjaya dengan personaliti murid dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Julau, Sarawak.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan kepada kajian terkini berkaitan teori pemilihan kerjaya, terdapat tiga teori utama yang telah dibincangkan dalam kajian lepas. Rumusan kepada penggunaan teori-teori tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1. Ini meliputi teori pemilihan kerjaya Holland (Mohd Azilan Bin Ramli, 2018), teori tret dan faktor (Nur Hafizah Binti Ibrahim, 2020) dan teori pemilihan kerjaya Anne Roe (Noraziyati Bazlin Sheik Salem et al., 2018). Teori-teori ini telah digunakan dalam kajian berkaitan pemilihan kerjaya di Malaysia.

Jadual 1

Teori Dalam Pemilihan Kerjaya

Penulis	Objektif Kajian	Teori	Ulasan
(Mohd Azilan Bin Ramli, 2018)	Mengenal pasti hubungan antara minat, efikasi sendiri dan kemahiran kebolehpasaran murid	Teori pemilihan kerjaya Holland	Kajian berbentuk kuantitatif. Di antara efikasi sendiri, minat dan kemahiran telah mencatat hubungan yang signifikan.
(Nur Hafizah Binti Ibrahim, 2020)	Meneroka aspek kesedaran kerjaya dalam kalangan murid	Teori tret dan faktor	Minat, kematangan, membuat pilihan kerjaya dan tanggapan merupakan empat faktor kesedaran kerjaya yang dikaji.
(Noraziyati Bazlin Sheik Salem et al., 2018)	Mencari faktor yang menentukan pemilihan kerjaya serta perkaitannya dengan kepuasan	Teori Pemilihan Kerjaya Anne Roe	Kajian deskriptif berbentuk tinjauan. Pemilihan kerjaya merangkumi minat, pencapaian dan Upah sebagainya. Upah berpatutan, persekitaran dan lain-

kerjaya.	lain terangkum dalam kepuasan kerjaya.
----------	--

3.0 METODOLOGI

Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan adalah kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan deskriptif. Reka bentuk kajian ini dipilih berdasarkan kajian yang menggunakan sampel kajian yang besar. Untuk mengenal pasti jenis minat kerjaya dan personaliti ke atas pemilihan kerjaya dalam kalangan murid, pendekatan tinjauan akan digunakan dalam kajian ini. Populasi penyelidikan ini adalah semua murid SMK Julau di daerah Julau, Sarawak. Data populasi ini diperoleh daripada data APDM sekolah dengan kebenaran pengetua sekolah. Mengikut *Krejcie dan Morgan* (1970), bagi populasi 663 orang murid ($N=663$), saiz sampel yang diperlukan adalah 242 orang ($S=242$). penyelidikan ini mengaplikasikan pendekatan persampelan mudah (*Convenience Sampling*) dimana ralat persampelan dapat diminimumkan melalui pendekatan ini. Soalan soal selidik juga akan diedarkan secara dalam talian akibat kekangan pandemik Covid-19. Persampelan mudah adalah pendekatan yang terbaik bagi memperoleh sampel daripada saiz populasi yang besar. (Noraini Idris, 2013)

Lokasi penyelidikan yang dipilih oleh penyelidik adalah salah sebuah sekolah menengah di kawasan luar bandar Daerah Julau, Sarawak. Faktor pemilihan lokasi penyelidikan di sekolah ini adalah kerana sekolah ini memenuhi keperluan dan kehendak penyelidikan iaitu mengkaji pengaruh minat dan personaliti murid terhadap pemilihan kerjaya murid. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik untuk mengumpul data kuantitatif daripada responden. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2
Komponen Dalam Soal Selidik Kajian

Bahagian	Perkara	Bilangan Soalan
A	Demografi Responden	5
B	Inventori Personaliti Big Five	44
C	Inventori Self-Directed Search (SDS)	60

Menganalisis statistik yang diperoleh daripada soal selidik menggunakan alat statistik seperti peratusan dan korelasi seperti Jadual 2. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan komputer. Program yang digunakan ialah IBM SPSS.

Menurut Mohd Majid Konting (1990), analisis data statistik menggunakan perisian pengaturcaraan IBM SPSS boleh menghasilkan pengiraan yang tidak silap dan ralat.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis deskriptif berdasarkan taburan kekerapan, peratusan dan nilai min mengikut demografi responden seperti jantina dan bangsa murid adalah seperti jadual 3 berikut. Jadual 3 menunjukkan majoriti responden adalah perempuan iaitu sebanyak 153 (62.4%) orang. Manakala selebihnya ialah responden lelaki sebanyak 92 (37.6%) orang. Majoriti responden adalah Bumiputera Sarawak iaitu sebanyak 225(91.8%) orang. Diikuti oleh bangsa Melayu dan Cina masing-masing sebanyak 9 (3.7%) orang dan 8 (3.3%) orang. Manakala selebihnya ialah responden India iaitu sebanyak 3 (1.2%) orang. Majoriti responden adalah adalah murid Tingkatan lima iaitu seramai 65 (26.5%) orang. Diikuti oleh murid Tingkatan satu, tiga, dua dan empat masing-masing sebanyak 64 (26.1%), 47 (19.2%), 37 (15.1%) dan 30 (12.2%) orang. Manakala selebihnya ialah responden murid Peralihan iaitu sebanyak 2 (0.8%)orang. Selain itu, majoriti responden adalah murid aliran *Dual Language Programme*- DLP (Tingkatan 1,2,3) iaitu seramai 102 (41.6%) orang.

Jadual 3

Profil demografi responden

Demografi		Kekerapan	Peratus
Jantina	• Lelaki	92	37.6
	• Perempuan	153	62.4
Kaum	• Melayu	9	3.7
	• Cina	8	3.3
	• India	3	1.2
	• Bumiputera sarawak	225	91.8
	• Peralihan	2	.8
Tingkatan	• Satu	64	26.1
	• Dua	37	15.1
	• Tiga	47	19.2
	• Empat	30	12.2
	• Lima	65	26.5
	• Peralihan	2	.8
	• Peralihan	2	.8
Aliran	• Sains/stem (Tingkatan 4 & 5)	17	6.9
	• Sastera (Tingkatan 4 & 5)	86	35.1
	• Dual language programme -dlp	102	41.6
	• Tidak berkenaan	40	16.3
Status	• Harian	152	62.0
	• Asrama	93	38.0

Analisis data untuk menentukan hubungan antara minat kerjaya dengan

personaliti murid terhadap pemilihan kerjaya dalam kalangan murid telah dijalankan. Sampel data yang digunakan telah memenuhi andaian untuk menjalankan analisis korelasi iaitu data sampel adalah diambil secara rawak dan memenuhi syarat kenormalan data. Hipotesis yang telah dibentuk adalah seperti berikut:

Ha1 Terdapat hubungan yang signifikan diantara minat kerjaya dengan personaliti murid terhadap pemilihan kerjaya dalam kalangan murid.

Berdasarkan nilai *p* (sig.) Jadual 4, menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara minat kerjaya (realistik) dengan tahap personaliti (ekstraversi) dan tahap personaliti (kesetujuan) iaitu nilai *p* masing-masing ialah 0.002 dan 0.049. didapati bahawa ada hubungan yang signifikan antara minat kerjaya (investigatif) dengan tahap personaliti (ekstraversi), tahap personaliti (kehematan), tahap personaliti (neurotisisme) dan tahap personaliti (keterbukaan) iaitu nilai *p* masing-masing ialah 0.037, 0.021, 0.003 dan 0.000. Hasil daripada analisis berdasarkan kepada sampel yang diambil dari populasi yang telah ditetapkan didapati bahawa nilai $p < 0.05$, maka ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah minat kerjaya murid dengan tahap personaliti murid. Oleh itu, *Ha1* adalah diterima. Iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara minat kerjaya dengan personaliti murid terhadap pemilihan kerjaya dalam kalangan murid.

Jadual 7

Hubungan minat kerjaya dengan jenis personaliti responden

		Tahap Personaliti (ekstraversi)	Tahap Personaliti (kesetujuan)	Tahap Personaliti (kehematan)	Tahap Personaliti (neurotisisme)	Tahap Personaliti (keterbukaan)
Minat kerjaya (realistik)	Pearson Correlation	0.197**	0.126*	-0.011	0.100	0.123
	Sig. (2-tailed)	0.002	0.049	0.861	0.120	0.054
	N	245	245	245	245	245
Minat kerjaya (investigatif)	Pearson Correlation	0.134*	0.105	0.148*	0.188**	0.222**
	Sig. (2-tailed)	0.037	0.101	0.021	0.003	0.000
	N	245	245	245	245	245
Minat	Pearson Correlation	0.117	0.154*	0.198**	0.245**	0.269**

kerjaya (artistik)	Sig. (2-tailed)	0.069	0.016	0.002	0.000	0.000
	N	245	245	245	245	245
Minat kerjaya (sosial)	Pearson Correlation	0.182**	0.181**	0.101	0.230**	0.181**
	Sig. (2-tailed)	0.004	0.004	0.115	0.000	0.005
	N	245	245	245	245	245
Minat kerjaya (enterprising)	Pearson Correlation	0.177**	0.223**	0.222**	0.215**	0.337**
	Sig. (2-tailed)	0.005	0.000	0.000	0.001	0.000
	N	245	245	245	245	245
Minat kerjaya (konvensional)	Pearson Correlation	0.235**	0.142*	0.141*	0.208**	0.213**
	Sig. (2-tailed)	0.000	0.026	0.028	0.001	0.001
	N	245	245	245	245	245

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Kajian ini telah mengkaji hubungan antara minat kerjaya murid dan personaliti murid terhadap pemilihan kerjaya murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Julau Sarawak. Personaliti murid mempunyai pengaruh yang positif kepada pemilihan kerjaya murid. Seseorang murid tertarik kepada sesuatu pekerjaan disebabkan personaliti dan beberapa faktor lain seperti persekitaran pekerjaan. Murid akan memberikan pandangan mereka terhadap sesuatu kerjaya berdasarkan bentuk kerjaya dan pendapatan kerjaya tersebut. Menurut Holland (1973), perbandingan diridengan tanggapan pekerjaan dan perasaan menerima atau menolaknya adalah satufaktor utama dalam pemilihan kerjaya. Berdasarkan dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa minat kerjaya murid dan personalitimurid mempunyai hubungan yang signifikan dalam pemilihan kerjaya murid di SMK Julau. Minat kerjaya telah dikaitkan dengan personaliti dimana menurut Normala A. Manaf (2013); Abddullah & M. Tamin (1989), sesuatu kerjaya dikatakan mempengaruhi konsep sendiri, perasaan nilai, kesejahteraan dan identiti keperibadian seseorang. Ia selaras dengan apa yang ditegaskan oleh Holland (1985) di mana setiap individu membentuk personalitinya tersendiri hasil dari interaksi yang berlaku antara ciri-ciri yang diwarisi dan kebolehan serta minat yang disebabkan olehkerjaya.

KESIMPULAN

Bagi individu, keinginan terhadap sesuatu pekerjaan mempunyai makna psikologi dan sosiologi yang penting dan boleh dipercayai. Keinginan inilah

yang akan mempengaruhi individu dalam membuat pemilihan kerjaya (Holland,1996). Super (1972) menjelaskan perkembangan kerjaya seseorang adalah berdasarkan kepada konsep sendiri. Konsep sendiri adalah keupayaan individu menilai diri sendiri secara positif dalam proses membuat pemilihan kerjaya. Pilihan kerjaya adalah sangat penting bagi seseorang murid kerana kerjaya yang mereka pilih akan menjamin kesejahteraan kehidupan pada masa hadapan. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan untuk memberi pendedahan dan pemahaman mengenai pemilihan kerjaya dalam membantu murid membuat keputusan yang tepat mengenai bidang yang ingin mereka pilih. Maka, kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan pemahaman kepada murid tentang pentingnya faktor-faktor yang akan mempengaruhi pilihan kerjaya mereka yang secara langsung akan mempengaruhi kepuasan kerja mereka. Mengikut konteks kajian ini, faktor pemilihan kerjaya murid dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu minat kerjaya dan personaliti. Faktor minat kerjaya terdiri daripada enam sub konstruk iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional (RIASEK), manakala faktor personaliti terdiri daripada lima sub konstruk iaitu Ekstraversi, Kesetujuan, Kehematan, Neurotisme dan Keterbukaan.

Rujukan

- Azriah Mohd Azmir, Ku Suhaila Ku Johari, & Izwan Mahmud. (2020). *Relationship Between Multiple Intelligence and Career Interest Among Secondary School Students*. 1, 121–132. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200824.152>
- Brown, D. & Brooks, L. (1984). *Career choice and development*. San Francisco: Jossey-Bass Publisher.
- Goldberg, L. R. (1990). *An alternative" description of personality": the big-five factor structure*. *Journal of personality and social psychology*, 59(6), 1216.
- Holland, J.L. 1996. *Making vocational choices : A theory of vocational personality and work environment*. Florida: Psychological Assessment resources Inc.
- Mohd Firdaus Zakaria, Norsiah Mat, & Abdul Rahman Abdullah. (2018). *Pengaruh Personaliti Big Five Kepada Keseimbangan Kerja-Kehidupan : Perspektif Guru*. May, 11.
- Orndorf. R. (2001). *Helping your student make informed career decision*. Career Services, Penn State University.
- Sabariah Binti Haron. (2013). *Mengukur Hubungan Minat Kerjaya Dengan Jantina Dan Aliran Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru*. 5(December), 36.
- Sidek Mohad Noah. (2018). *Aplikasi Ujian Psikometrik Dalam Bimbingan & Kaunseling Kerjaya: Sejauh Mana Impaknya? In Aplikasi Ujian Psikometrik Dalam Bimbingan & Kaunseling Kerjaya*. Universiti Putra Malaysia.
- Yunus, A. R., Hassan, S. N. S., Aris, A., & Kadir, R. A. (2010). *Keselarasan*

personalitidengan persekitaran pengajian: satu tinjauan perbandingan di kalangan murid jurusan pengurusan dua buah IPTA di Malaysia.
Zakaria, N., & Yusof, H. M. (2017). *Hubungan diantara big five personaliti dengan kejayaan kerjaya pekerja.* In *The Colloquium* (Vol. 10, pp. 35-38).

Biodata Penulis

Daniel Lu Yew Ching merupakan anak jati Sarawak. Beliau merupakan Guru Bimbingan dan Kaunseling (B&K) Sepenuh Masa di SMK Julau. Berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi, UKM dan DPLI B&K, UPSI. "*Tiada yang mustahil*" menjadi prinsip kerjaya dan pegangan hidup beliau sebagai seorang Guru Cemerlang B&K DG48.

GURU PERMULAAN DARI PERSPEKTIF PIHAK PENGURUSAN SEKOLAH

¹Wong Siew Jew, ²Mohd Fariq Arrifin Bin Abdullah, ³Yong Zhen Qi
^{1,2,3}Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Bintangor
siewjew@yahoo.com.my

Abstrak

Kelestarian pendidikan bermula dengan keupayaan seseorang guru melaksanakan tugasnya yang sebenar. Ia sejajar dengan latihan serta kemahiran yang diperoleh golongan ini setelah menamatkan latihan keguruan di sesuatu institusi pendidikan. Kajian ini dibuat setelah setahun guru permulaan ditempatkan di sekolah masing-masing untuk melihat perspektif pihak pengurusan sekolah. Seramai 39 guru baharu lulusan PISMPambilan Jun 2016 yang berjaya ditempatkan ke sekolah mulai 1 Januari hingga 31 Mei 2021 dan telah dinilai oleh pentadbir sekolah selaku pelanggan IPG. Kajian mendapati tahap kepuasan pelanggan bagi semua aspek adalah tinggi. Aspek komunikasi memperoleh peratus tertinggi tahap kepuasan iaitu 100 peratus (%) dengan skor min (M) bersamaan 4.74 dan sisihan piawai (S.P) bersamaan .43, diikuti dengan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (100%,M=4.65,S.P=.48), Pembelajaran Sepanjang Hayat (100%,M=4.65,S.P=.49), Pengurusan Maklumat (100%,M=4.56,S.P=.49) dan seterusnya Penyelesaian Masalah (100%,M=4.53,S.P=.50). Purata keseluruhan (100%,M=4.63,S.P=.48) adalah melebihi tahap kualiti yang disasarkan pada 92%. Dapatan menunjukkan bahawa pentadbir memberikan respons yang tinggi bagi kekuatan lain Guru Baharu dalam PdP iaitu 53.8%, Pengurusan Maklumat (53.8%), Pembelajaran Sepanjang Hayat (51.3%), Komunikasi (56.4%), Penyelesaian Masalah (51.3%), Etika, Sahsiah dan Nilai (53.8%), Kokurikulum dan Sukan (48.7%), dan lain-lain (28.2%). Selain itu, kajian juga mendapati, 100% respons pentadbir berpuashati dengan prestasi perkhidmatan Guru Baharu setelah satu (1) tahun atau 12 bulan berkhidmat di sekolah.

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Institut Pendidikan Guru (IPG) menyediakan kurikulum yang menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Agency (MQA) untuk melahirkan Guru Baharu yang berkualiti, terlatih dan kompeten selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan serta dapat memenuhi kepuasan pelanggan.

Sehubungan dengan itu, bagi mengenal pasti kepuasan pelanggan IPG terhadap kualiti Guru Baharu lulusan PISMP IPGambilan Jun 2016, maklum balas yang diberikan oleh pentadbir amat diperlukan. Justeru, Kajian Maklum Balas Kepuasan Pelanggan dilaksanakan agar hasil dapatan kajian ini dapat

dilaporkan bagi membantu proses penambahbaikan keseluruhan program PISMP IPG seterusnya dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan keguruan di IPG selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

1.2 Literatur Kajian

Abdul Rafei (2006) telah menggariskan 11 kriteria yang menggambarkan seorang guru itu guru profesional. Antara perkara penting tentang guru profesional ini adalah penguasaan *core business* pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah serta perhubungan interpersonal dan intrapersonal di sekolah dan dalam kalangan masyarakat yang baik serta sentiasa terlibat dalam mengemaskini ilmu pengetahuan dan perkembangan baru dalam dunia pendidikan.

Namun demikian, dari perspektif ramai penyelidik pendidikan (Mohd. Hasani, Salleh & Mohammed Sani, 2006; Robiah, 2002; Abdul Rahman & Asmawati, 2002), profesion keguruan hanya boleh dianggap sebagai suatu profesion minor, baru muncul malah lebih bersifat semi profesion serta mempunyai tahap status sosial yang rendah dan tidak berprestij. Lantaran itu, profesion keguruan dianggap mudah diceburi dan tidak memerlukan banyak kemahiran khusus untuk menjadi seorang guru. Takrifan profesion keguruan masih samar-samar, mengelirukan, bercapah, bercanggah dan tidak sehaluan, dan cadangan-cadangannya tidak didokumentasikan secara rasmi (Mohd. Hasani, Salleh & Mohammed Sani, 2006). Lantaran itu, profesion keguruan tidak dianggap sebagai suatu profesion "major," "betul," "tepat," "benar-benar" dan "sewajarnya" (Robiah, 2002).

Kegagalan guru yang terlatih dalam menunjukkan bahawa mereka benar-benar profesional turut menyumbang kepada masalah profesionalisme keguruan. Misalnya, Lourdusamy dan Tan (1992) merujuk kepada suatu tinjauan yang mendapati bahawa guru tidak dapat mengawal masalah yang dihadapi dalam kelas seperti masalah kesukaran mengawal pelajar, masalah pelajar bersikap negatif, masalah pelajar tidak berminat belajar, pasif dan gagal memahami pelajaran yang diajar menyebabkan guru mengambil pendirian "tidak peduli." Chiam (2004) berpendapat bahawa terdapat perkaitan antara ketidakberkesannya pengajaran guru dengan ponteng dalam kalangan pelajar.

Sekiranya guru yang terlatih dikatakan menghadapi pelbagai masalah dalam pengajaran dan pembelajaran, apatah lagi guru permulaan yang langsung tidak mempunyai pengalaman mengajar. Misalnya, para penyelidik pendidikan (Veenman, 1984; Knowles & Cole, 1994; Calderhead & Shorrock, 1997) ada menyatakan bahawa majoriti guru yang mengajar pada beberapa tahun permulaan mengalami pelbagai masalah dalam pengajaran mereka seperti mengurus murid, menjalin hubungan yang baik di dalam bilik darjah, menguasai isi kandungan pelajaran, merancang aktiviti yang melibatkan murid dan membantu mereka belajar, memantau pemahaman murid dan menjadi sebahagian daripada struktur sosial sekolah.

Abu Bakar (1994) pula mendapati bahawa guru permulaan lemah dalam hal pengurusan kokurikulum dan sukan. Sementara di dalam kelas, mereka kurang

yakin mengawal disiplin kelas dan tidak dapat mengamalkan teori pedagogi yang dipelajari. Seterusnya, mereka didapati kurang mahir bersosialisasi dan menggunakan pusat sumber. Glickman (1981) mengkategorikan guru kepada empat kategori iaitu tiga kategori tersebut adalah merujuk kepada guru yang bermasalah iaitu (i) guru tercicir yang rendah dalam komitmen dan penskalaan; (ii) guru "tidak berfokus" yang tinggi komitmen tetapi rendah dalam penskalaan; dan (iii) guru analitikal yang rendah dalam komitmen tetapi tinggi dalam penskalaan.

Glickman (1990) dalam satu tinjauan literatur tentang guru permulaan di Amerika Syarikat, telah membuat beberapa generalisasi tentang peringkat perkembangan guru daripada guru permulaan kepada guru berpengalaman. Beliau mendapati pada amnya guru permulaan adalah lebih bersemangat kerana kerjaya mereka baru bermula sehingga tahun ketiga selepas itu semangat mereka mula menurun dengan mendadak. Akan tetapi guru permulaan didapati rendah dari segi penskalaan. Mereka didapati kurang berupaya untuk mengambil keputusan dan tindakan terhadap situasi bermasalah tentang pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ini adalah kerana mereka kurang pengalaman untuk menghadapi situasi yang timbul secara tidak terancang. Mereka lebih suka diberitahu apa keputusan dan tindakan yang perlu dilakukan. Fuller dan Bown (1975) mendapati keperluan utama guru permulaan adalah berkenaan dengan kehidupan dan keselamatan sendiri (*own survival and security*). Lantaran itu, mereka dikatakan berada dalam suatu keadaan yang dikenali sebagai *practice shock* (Veenman, 1984) yang digambarkan sebagai *sink-or-swim* (Renard, 2003; Achinstein & Athanases, 2006) permulaan karier, terpencil di dalam bilik darjah, tiada sokongan guru-guru lain, kuasa terbatas untuk membuat keputusan dan kurang peluang untuk belajar. Mereka khawatir sama ada mereka boleh mengawal pelajar dan apakah persepsi guru besar/pengetua dan guru sekolah lain terhadap mereka? Soal menyesuaikan diri dengan guru besar/pengetua dan guru-guru lain di sekolah merupakan suatu aspek yang sangat penting.

Sebaliknya, Rosli Yacob (2006) mendapati bahawa guru permulaan menganggap guru besar sebagai seorang ketua yang lebih banyak menjalankan urusan pentadbiran dan tidak banyak membantu mereka dalam memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran mereka. Sebaliknya, guru permulaan menganggap guru-guru lain di sekolah sebagai rakan sekerja dan teman sosial untuk berbual, berkongsi masalah dan sokongan emosi yang dapat mengurangkan tekanan terhadap masalah-masalah yang mereka hadapi. Penerimaan dan kerjasama guru-guru yang lebih berpengalaman mempengaruhi motivasi guru permulaan.

Walaupun guru pada amnya dan guru permulaan khususnya menghadapi banyak masalah, tetapi terdapat suatu kategori guru yang digelar sebagai guru profesional (Glickman, 1981) yang mempunyai komitmen dan penskalaan yang tinggi. Grossman (1990) pula mendapati bahawa terdapat suatu golongan guru permulaan yang mampu dan berjaya menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan isi kandungan dan ilmu pengetahuan pembelajaran murid mereka yang kompleks.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian Maklum balas Kepuasan Pelanggan dijalankan bertujuan untuk mengkaji kepuasan pelanggan dalam kalangan pentadbir sekolah rendah terhadap kualiti Guru Baharu lulusan PISMP IPGambilan Jun 2016. Mengikut ISO 21001:2018 EOMS, pencapaian objektif kualiti adalah berdasarkan kepada nilai **92% kepuasan pelanggan**, manakala nilai kurang daripada 92% kepuasan dianggap tidak mencapai objektif kualiti.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk mencapai dua (2) objektif berikut, iaitu:

- i) Mengetahui penilaian kepuasan pentadbir terhadap kualiti Guru Baharu dari aspek:
 - a. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berdasarkan:
 - i. Nilai peratus kepuasan dan tahap kepuasan
 - ii. Kekuatan/kelebihan lain Guru Baharu
 - iii. Kelemahan/kekurangan lain Guru Baharu
 - b. Penyelesaian Masalah berdasarkan:
 - i. Nilai peratus kepuasan dan tahap kepuasan
 - ii. Kekuatan/kelebihan lain Guru Baharu
 - iii. Kelemahan/kekurangan lain Guru Baharu
 - c. Komunikasi berdasarkan:
 - i. Nilai peratus kepuasan dan Tahap kepuasan
 - ii. Kekuatan/kelebihan lain Guru Baharu
 - iii. Kelemahan/kekurangan lain Guru Baharu
 - d. Pengurusan Maklumat berdasarkan:
 - i. Nilai peratus kepuasan dan Tahap kepuasan
 - ii. Kekuatan/kelebihan lain Guru Baharu
 - iii. Kelemahan/kekurangan lain Guru Baharu
 - e. Pembelajaran Sepanjang Hayat berdasarkan:
 - i. Nilai peratus kepuasan dan Tahap kepuasan
 - ii. Kekuatan/kelebihan lain Guru Baharu
 - iii. Kelemahan/kekurangan lain Guru Baharu
- ii) Mengetahui sejauh mana pentadbir berpuas hati atau tidak berpuas hati dengan prestasi Guru Baharu setelah satu (1) tahun atau 12 bulan berkhidmat di sekolah.

1.5 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian yang diperoleh dilaporkan atas keperluan dan ketetapan ISO 21001:2018 EOMS. Pelaporan yang disediakan perlu dikemukakan untuk makluman ahli majlis Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Tahun 2022 bagi membolehkan penilaian semula dibuat terhadap keberkesanan sistem kualiti Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Berdasarkan dapatan kajian, cadangan penambahbaikan dikemukakan bagi memantapkan lagi sistem kualiti yang sedia ada.

1.6 Definisi Kepuasan Pelanggan

Kepuasan pelanggan dalam laporan ini ditakrifkan sebagai nilai peratus kepuasan dan tahap kepuasan pelanggan dalam kalangan pentadbir sekolah terhadap kualiti Guru Baharu lulusan PISMP IPG. Bagi mengukur nilai dan tahap kepuasan pelanggan, instrumen Soal Selidik Kepuasan Pelanggan (SSKP) dibangunkan. SSKP yang dibangunkan dapat mengumpulkan maklum balas pentadbir berdasarkan penilaian mereka terhadap Guru Baharu. Aspek yang dinilai oleh pentadbir adalah (a) Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), (b) Penyelesaian Masalah, (c) Komunikasi, (d) Pengurusan Maklumat, dan (e) Pembelajaran Sepanjang Hayat. Lima (5) aspek tersebut merupakan antara elemen yang terkandung dalam Objektif Pendidikan Program (PEO) bagi PISMP untuk melahirkan graduan IPG yang memiliki pengetahuan dan kemahiran praktikal dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan. Aspek-aspek kepuasan pelanggan lain selain dari lima (5) aspek aspek utama tersebut turut dapat diteroka melalui respons yang dikemukakan oleh pentadbir.

1.7 Definisi Guru Baharu

Mengikut pekeliling perkhidmatan KPM Bil.1/1987, guru permulaan didefinisikan sebagai guru baharu yang terlatih dan berkhidmat antara 1-3 tahun dalam tempoh percubaan dan belum disahkan lagi dalam jawatan. Guru baharu dianggap mempunyai kemahiran untuk memikul segala tanggungjawab dengan cekap. Namun begitu sebagai guru baharu yang kurang berpengalaman berbanding dengan guru yang telah lama dalam profesion perguruan, mereka tentunya kurang arif tentang cara-cara mengurangkan beban dan tekanan yang hadapi. (Moron, 1990)

2.0 METODOLOGI

2.1 Reka bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan hirisan rentas (*cross sectional*). Kajian tinjauan jenis ini dilakukan dengan mengumpul data daripada sampel yang dapat mewakili populasi pada satu-satu masa tertentu (Cresswell, 2012). Data yang dikumpul adalah berbentuk data kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Kajian yang baik biasanya menggabungkan kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif kerana kedua-duanya saling berkait di antara satu sama lain (Cresswell, 2012).

2.2 Instrumen Kajian

Kajian Maklum Balas Kepuasan Pelanggan telah menggunakan instrumen Soal Selidik Kepuasan Pelanggan (SSKP). Soal selidik dibina dengan menggunakan tiga pendekatan iaitu aneka pilihan, skala Likert

lima (5) mata, dan soalan subjektif terbuka. Soal selidik dibina dengan menggunakan ayat yang pendek, ringkas, mudah difahami, tidak mengelirukan dan dibina bertujuan untuk mewakili dengan tepat konsep yang ingin diukur (Chua Yan Piaw, 2014). Format instrumen soal selidik untuk kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1
Format SSKP

BAHAGIAN	NO. ITEM	PERKARA	JENIS ITEM	BIL ITEM
A	A1-A2	Maklumat Guru Baharu	Aneka Pilihan	2
B	B1-B2	Maklumat Pentadbir	Aneka Pilihan	2
C1	C1(a)-C1(n)	Penilaian pentadbir terhadap Guru Baharu dari aspek PdP	Skala Likert 5 poin	14
C2	C2(a)-C2(e)	Penilaian pentadbir terhadap Guru Baharu dari aspek Penyelesaian Masalah	Skala Likert 5 poin	5
C3	C3(a)-C3(i)	Penilaian pentadbir terhadap Guru Baharu dari aspek Komunikasi	Skala Likert 5 poin	9
C4	C4(a)-C4(e)	Penilaian pentadbir terhadap Guru Baharu dari aspek Pengurusan Maklumat	Skala Likert 5 poin	5
C5	C5(a)-C5(e)	Penilaian pentadbir terhadap Guru Baharu dari aspek Pembelajaran Sepanjang Hayat	Skala Likert 5 poin	5
D	D1	Kepuasan pihak pentadbir terhadap prestasi perkhidmatan Guru Baharu ini setelah satu (1) tahun atau 12 bulan beliau berkhidmat di sekolah	Objektif	1
D	D2	kekuatan / kelebihan	Subjektif	8

		(sekiranya ada) Guru Baharu		
D	D3	kelemahan / kekurangan Guru Baharu ini (sekiranya ada) dan cadangan penambahbaikan (sekiranya ada)	Subjektif	8

2.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan diuji kesahan melalui kesahan kandungan dengan merujuk empat (4) orang yang pakar. Segala komen dan teguran yang diterima daripada pakar-pakar ini diambil kira dan diguna pakai bagi memantapkan lagi maksud, bahasa dan kandungan soal selidik yang digunakan. Jadual 2 menunjukkan senarai pakar yang dipilih untuk menyemak dan mengesahkan instrumen kajian ini.

Jadual 2
Senarai Panel Pakar Kesahan Kandungan

PAKAR	JAWATAN	KEPAKARAN
Pakar 1	Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan • Dasar Pendidikan
Pakar 2	Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara Raub Pahang	Pembangunan instrumen soal selidik dan rekabentuk kajian tinjauan
Pakar 3	Pensyarah Kanan Jabatan Matematik Fakulti Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak	Pembangunan instrumen soal selidik dan rekabentuk kajian tinjauan
Pakar 4	Timbalan Pengarah IPG Kampus Tawau Sabah	Penilaian Program dan rekabentuk kajian tinjauan

Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman soal selidik (Cresswell, 2012). Kebolehpercayaan kajian adalah

penting kerana ralat pengukuran dapat dikurangkan dan hubungan antara item atau pemboleh ubah dapat diukur dengan tepat. Bagi mengukur ketekalan dalaman sesuatu konstruk, nilai Cronbach Alpha sering kali dirujuk (Cronbach & Shavelson, 2004). Sehubungan itu, dalam kajian rintis, data-data telah dikumpulkan dan diukur tahap kebolehpercayaannya menggunakan Ujian Statistik Cronbach Alpha dalam perisian IBM SPSS. Pallant (2013) menyatakan nilai Cronbach Alfa yang melebihi 0.60 sering kali digunakan dalam mengukur indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian. Jadual 3 menunjukkan nilai Alpha (α) bagi ujian kebolehpercayaan bagi item mengikut pecahan konstruk.

Jadual 3

Kebolehpercayaan Instrumen SSKP

KONSTRUK	ITEM	BILANGAN ITEM	NILAI ALPHA
PdP	C1(a)- C1(n)	14	$\alpha = .829$
Penyelesaian Masalah	C2(a)- C2(e)	5	$\alpha = .875$
Komunikasi	C3(a)-C3(i)	9	$\alpha = .848$
Pengurusan Maklumat	C4(a)- C4(e)	5	$\alpha = .802$
Pembelajaran Sepanjang Hayat	C5(a)- C5(e)	5	$\alpha = .826$

Jadual 3 menunjukkan nilai kebolehpercayaan alpha (α) adalah tinggi iaitu antara 0.802 hingga 0.875. Ini bermaksud semua item menepati nilai minimum melebihi 0.60 iaitu pada tahap boleh diterima (*acceptable reliability*).

2.4 Tatacara Pengumpulan Data

Penyelaras IPGM dan Pegawai Teknikal Sistem Soal Selidik Kepuasan Pelanggan Secara Dalam Talian (i-SSKP) IPGM akan membuat persiapan sistem terlebih dahulu dengan menyemak dan melengkapkan data Guru Baharu dalam sistem. Seterusnya, Penyelaras IPGK dikehendaki mengadakan taklimat dan mengedarkan alamat url i-sskp kepada pentadbir sekolah selepas Penyelaras IPGM memaklumkan melalui surat kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) seluruh negara tentang pelaksanaan kajian ini. JPN pula akan memanjangkan surat berkenaan kepada sekolah-sekolah rendah di bawah seliaan JPN negeri masing-masing untuk pentadbir memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Penyelaras IPGK bertindak mengingatkan dan menghubungi pentadbir agar menjawab Soal Selidik Kepuasan Pelanggan secara dalam talian (i-SSKP) selepas mewujudkan kata laluan pengguna dan dihantar melalui e-mel pentadbir atau sekolah. Pentadbir mula menjawab i-SSKP mulai minggu 15 Jun 2022 sehingga 15 September 2022 (3 bulan)

setelah dua belas (12) bulan Guru Baharu melapor diri di sekolah. Data yang dijawab oleh pentadbir dikumpul dalam sistem i-SSKP secara automatik.

2.5 Tatacara Penganalisan Data

Data kuantitatif

Data kuantitatif bagi item skala likert yang telah dapat dikumpulkan daripada pentadbir melalui sistem i-SSKP, akan dijana untuk diproses dan dianalisis secara automatik untuk menghasilkan dapatan statistik deskriptif iaitu nilai peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai. Bagi analisis tahap pengukuran, skor min diukur berdasarkan Jadual 4 pengukuran skor min dan Interpretasi oleh Jamil Ahmad (2002). Jadual ini berdasarkan kepada tiga tahap pengukuran skor min. Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap kepuasan berdasarkan penilaian pentadbir ke atas Guru Baharu.

Jadual 4

Jadual Interpretasi Skor Min (Jamil Ahmad, 2002)

SKOR MIN	INTERPRETASI SKOR MIN
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67– 5.00	Tinggi

Data Kualitatif

Data kualitatif bagi item subjektif terbuka yang telah dikumpulkan oleh sistem i-SSKP daripada pentadbir, dianalisis menggunakan analisis pelbagai respons (Chua, 2014). Data yang dikumpulkan dikodkan mengikut kategori terlebih dahulu sebelum dianalisis. Dapatan dilaporkan dalam kekerapan dan peratus.

3.0 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

3.1 Maklumat Guru Baharu

(a) *Jantina*

Jadual 5 menunjukkan jantina Guru Baharu yang dinilai oleh pentadbir.

Jadual 5

Jantina Guru Baharu

JANTINA	BILANGAN	PERATUS (%)
Lelaki	11	28.2
Perempuan	28	71.8
Jumlah	39	100

Berdasarkan Jadual 5, dapatan menunjukkan bahawa jumlah guru baharu adalah 39 orang. 28 orang (71.8%) guru baharu adalah guru perempuan manakala 11 orang (28.2%) adalah guru lelaki. Jadi, jumlah guru perempuan adalah lebih ramai dari guru lelaki.

(b) Bidang Pengkhususan

Jadual 6 menunjukkan bidang pengkhususan major dan minor Guru Baharu semasa mengikuti pengajian di IPG.

Jadual 6

Bidang Pengkhususan Teras dan Minor Guru Baharu Semasa di IPG

BIDANG TERAS	BILANGAN	PERATUS	BIDANG MINOR	BILANGAN	PERATUS
Bahasa Iban	10	25.6	Pendidikan Jasmani	10	25.6
Sejarah	9	23.1	Pendidikan Jasmani	9	23.1
Bahasa Iban	13	33.3	Pendidikan Moral	13	33.3
Sejarah	7	17.9	Pendidikan Jasmani	7	17.9
Jumlah	39	100	Jumlah	39	100

Berdasarkan Jadual 6 dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan guru baharu mempunyai dua bidang teras dan bidang minor yang berbeza. Bidang teras terdiri daripada sejarah dan bahasa iban manakala bidang minor terdiri daripada pendidikan Jasmani dan pendidikan moral.

(c) Keselarian Mata Pelajaran Yang Diajar di Sekolah Dengan Bidang Pengkhususan Semasa di IPG

Jadual 7 keselarian matapelajaran yang diajar oleh Guru Baharu di sekolah dengan bidang pengkhususan semasa di IPG

Jadual 7

Keselarian Matapelajaran Diajar Ikut Pengkhususan di IPG

	BILANGAN	PERATUS
Ya	39	100
Tidak	0	0
Jumlah	39	100

Berdasarkan Jadual 7 dapatan menunjukkan bahawa 39 orang guru (100%) baharu mengajar mengikut bidang pengkhususan major di IPG. Jadi, semua guru mempunyai keselarian mata pelajaran yang diajar mengikut bidang pengkhususan di IPG.

(d) Keselarian Aktiviti Kokurikulum Yang Dipertanggungjawabkan Oleh Di Sekolah Dengan Yang Diikuti Semasa di IPG.

Jadual 8 menunjukkan keselarian aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan oleh pihak sekolah ke atas Guru Baharu dengan aktiviti kokurikulum yang diikuti semasa di IPG.

Jadual 8

Keselarian Aktiviti Kokurikulum Yang Dipertanggungjawabkan Ikut Bidang di IPG

	BILANGAN	PERATUS
Ya	36	92.3
Tidak	3	7.7
Jumlah	39	100

Berdasarkan Jadual 8 dapatan menunjukkan bahawa 3 orang (7.7%) guru baharu tidak mempunyai keselarian aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawab ikut bidang di IPG manaka yang lain seramai 36 orang (92.3%) mempunyai keselarian aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawab di IPG. Jadi, majoriti guru mempunyai keselarian aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan ikut bidang di IPG.

(e) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Program Perguruan IPG

Jadual 9 menunjukkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) semasa menamatkan pengajian di IPG

Jadual 9

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Program Perguruan IPG

PNGK	BILANGAN	PERATUS
Pertama (3.75 – 4.00)	7	17.9
Kedua Atas (3.00 – 3.74)	32	82.1
Kedua Bawah (2.00 – 2.99)	0	0
JUMLAH	39	100%

Berdasarkan Jadual 9, dapatan kajian menunjukkan bahawa PNGK bagi kumpulan guru baharu ini adalah baik, mempunyai PNGK kelas pertama ialah 7 orang (17.9%), kelas kedua atas ialah 32 orang (82.1) dan tiada guru baharu (0%) yang mempunyai PNGK kelas kedua bawah. Pada keseluruhannya, keputusan akademik adalah baik.

(f) Lokasi Sekolah

Jadual 10 menunjukkan Lokasi Sekolah Penempatan Guru Baharu

Jadual 10

Lokasi Sekolah Penempatan Guru Baharu

LOKASI SEKOLAH	BILANGAN	PERATUS
Banda raya	1	2.6
Bandar	9	23.1
Bandar Kecil	0	0.0
Luar Bandar	14	35.9
Pedalaman 1	6	15.4
Pedalaman 2	1	2.6
Pedalaman 3	8	20.5
JUMLAH	39	100%

Berdasarkan Jadual 10 dapatan menunjukkan bahawa paling ramai guru baharu telah ditempatkan di sekolah luar bandar iaitu 14 orang (35.9%) diikuti di bandar (9 orang, 23.1%) dan pedalaman 3 (8 orang, 20.5%). Hanya sebilangan kecil yang ditempatkan di pedalaman 1 (15.4%), bandaraya (2.6%), dan pedalaman 2 (2.6%).Justeru, majoriti guru baharu ditempatkan di kawasan luar bandar.

3.2 Maklumat Pentadbir

(a) Jawatan Pentadbir

Jadual 11 menunjukkan jawatan pentadbir yang menilai Guru Baharu

Jadual 11

Jawatan Pentadbir

JAWATAN PENTADBIR	BILANGAN	PERATUS
Guru Besar	21	53.8
Penolong Kanan	16	41.0
Penyelia Petang	0	0
Ketua Panitia	2	5.1
JUMLAH	39	100%

Berdasarkan Jadual 11, dapatan menunjukkan bahawa pentadbir yang paling ramai menilai guru baharu adalah guru besar (21 orang, 53.8 %) diikuti penolong kanan (16 orang, 41.0%) dan ketua panitia (2 orang, 5.1%). Tiada penyelia petang yang menilai guru baharu dalam kajian ini. Oleh itu, majoriti penilai adalah Guru Besar.

(b) Jantina Pentadbir

Jadual 12 menunjukkan jawatan pentadbir yang menilai Guru Baharu

Jadual 12
Jantina Pentadbir

JANTINA PENTADBIR	BILANGAN	PERATUS
Lelaki	11	28.2
Perempuan	28	71.8
JUMLAH	39	100%

Berdasarkan Jadual 12, dapatan menunjukkan bahawa 11 orang (28.2%) pentadbir lelaki yang menilai guru baharu adalah pentadbir lelaki manakala 28 orang (71.8%) pentadbir yang menilai adalah perempuan. Oleh itu, majoriti penilai adalah terdiri dari pentadbir perempuan.

3.3 Penilaian Pentadbir Terhadap Guru Baharu

Bahagian ini menghuraikan dapatan bagi objektif kajian yang pertama iaitu mengenal pasti penilaian pentadbir dari segi kepuasan terhadap kualiti Guru Baharu dari lima (5) aspek utama iaitu pengajaran dan pembelajaran (PdP), penyelesaian masalah, komunikasi, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat.

Secara keseluruhan tahap kepuasan pelanggan bagi kesemua aspek adalah tinggi dan peratus kepuasan melebihi 92%. Dapatan menunjukkan skor min keseluruhan bagi kelima-lima aspek adalah 4.63 dan sisihan piawai bersamaan 0.48 dengan peratus kepuasan sebanyak 100% seperti yang ditunjukkan pada Jadual 13.

Jadual 13
Nilai Peratus Kepuasan Dan Tahap Kepuasan Pelanggan dan bagi 5 Aspek Utama

BIL	ASPEK	Peratus (%) Kepuasan	Min	S.P	Tahap
1	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	100	4.65	0.48	Tinggi
2	Penyelesaian Masalah	100	4.53	0.50	Tinggi
3	Komunikasi	100	4.74	0.43	Tinggi
4	Pengurusan Maklumat	100	4.56	0.49	Tinggi
5	Pembelajaran Sepanjang Hayat	100	4.65	0.49	Tinggi
	Keseluruhan	100	4.63	0.48	Tinggi

Berdasarkan Jadual 13, dapatan menunjukkan bahawa kelima-lima aspek menunjukkan tahap kepuasan pelanggan yang tinggi. Setiap aspek menunjukkan peratus kepuasan maksimum 100 %. Ini menunjukkan tahap kepuasan pada keseluruhannya adalah tinggi.

Sub topik berikut ini akan menghuraikan secara terperinci analisis deskriptif kepuasan pelanggan berdasarkan nilai peratus kepuasan dan tahap kepuasan setiap aspek serta dapatan analisis pelbagai respons bagi item subjektif terbuka bagi setiap aspek.

(a) Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Aspek pertama yang dinilai dalam soal selidik kepuasan pelanggan secara dalam talian adalah PdP. Terdapat 14 item skala likert lima (5) poin dan dua (2) soalan subjektif terbuka yang perlu dijawab oleh pentadbir bagi menilai seorang Guru Baharu. Dapatan kepuasan pelanggan dari aspek PdP adalah seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 14, Jadual 15 dan Jadual 16**.

Jadual 14
Peratus Kepuasan Dan Nilai Min Bagi Aspek PdP

BIL	ITEM	PERATUS (%) KEPUASAN	MIN	S.P	TAHAP
1	menyediakan RPH yang mengandungi objektif yang boleh diukur	100	4.90	0.30	Tinggi
2	merancang PdP berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	100	4.85	0.36	Tinggi
3	menyediakan Alat Bantu Mengajar (ABM)/Bahan Bantu Mengajar (BBM)/Bahan Bantu Belajar (BBB)	100	4.46	0.50	Tinggi
Subscale 4: Anxiety Interpretation

Table 9 on the whole shows that the students' interpretation of test anxiety includes taking it easy on examinations rather than being stressed out although they are anxious about it.

Table 9: Anxiety Interpretation

Subscale 4: Anxiety Interpretation		Mean	SD
30	Even when I'm well prepared for a test, I feel very anxious about it.	.81	.39
23	I think I could do much better on test if I could take them alone and not feel pressured by time limits.	.63	.49
18	The harder I work at taking a test or studying for one, the more confused I get.	.34	.48

Subscale 5: Anxiety Reaction

Table 10 on the whole shows that the students' reaction with regard to test anxiety was quite negative as they felt defeated working on a test and dread assessments.

Table 10: Anxiety Reaction

Subscale 5: Anxiety Reaction		Mean	SD
17	I seem to defeat myself while working on important tests.	.59	.49
37	I dread courses where the teacher has the habits of giving "pop" quizzes.	.51	.50

Subscale 6: Anxiety Reappraisal

Table 11 on the whole shows that the students' reappraisal of test anxiety is to stop worrying after the test, how others performed in the test, and not getting upset about tests.

Table 11: Anxiety Reappraisal

Subscale 3: Anxiety Reappraisal		Mean	SD
1	While taking an important exam, I find myself thinking of how much brighter the other students are than I am.	.55	.50
19	As soon as an exam is over, I try to stop worrying about it, but I just can't.	.45	.50
*26	On exams I take the attitude, "If I don't know it now, there's no point worrying about it."	.34	.48
*27	I really don't see why some people get so upset about tests.	.33	.47

*Note: Item marked with an asterisk * is a recoded item*

Subscale 7: Anxiety Feedback

Table 12 on the whole shows that the students rely on their past experience and prior knowledge especially their cognitive and affective resilience in test taking.

Table 12: Anxiety Feedback

Subscale 3: Anxiety Feedback		Mean	SD
*15	When taking a test, my emotional feelings do not interfere with my performance.	.56	.49
3	If I knew I was going to take an intelligent test, I would feel confident and relaxed.	.35	.48

*Note: Item marked with an asterisk * is a recoded item*

Subscale 8: Anxiety Coping

Table 13 on the whole shows that the students' main coping ability in test anxiety is to 'cram' before examinations and study harder for final examinations than for the rest of their time.

Table 13: Anxiety Coping

Subscale 3: Anxiety Coping		Mean	SD
*33	I seldom feel the need for "cramming" before an exam.	.53	.50
*29	I don't study any harder for MUET speaking tests than for the rest of my time.	.28	.45

*Note: Item marked with an asterisk * is a recoded item*

5.5 Research Reflection

Findings and discussion

The findings of this study show that the students have mixed perceptions regarding test anxiety. Nevertheless, the findings show that test anxiety is a real phenomenon experienced by these Form 6 students. It is a common problem faced by students. Thus, it is important that the teachers should provide sufficient guidance and prepare the students well before their actual speaking test. This is important to dissipate fear from the students. Although the type of anxiety experienced is state anxiety and not trait anxiety, appropriate steps could be taken to balance the students' assessment into other forms of assessments such as performance, portfolio assessment or authentic assessments can also be introduced. It should be stressed again that students have to speak about a topic given in the examination room. They have to prepare well to avoid suffering from the exam jitter. Insufficient time to be fully prepared is also one of the factors that Form 6 students experienced state anxiety. Parents must have demanded a lot from their children. They expect high achievement. (Sourav N Mandal, 2020)

Form 6 students also need to be taught study skills such as generic learning skills to help them cope with examinations so as to reduce test anxiety. Other aids could be the utilization of their preferred learning styles to maximise learning. They need to inculcate active learning such as critical, creative and innovative skills of learning in place of rote learning. Examinations should be supplemented with other forms of assessments so that real learning is assessed and test anxiety could be reduced.

From the speaking recording that have been done and forwarded by the students through the usage of whataspp it helped me a lot in order to mark for their speaking test. It is an advantage and more convenient way of doing speaking test. It is a bit difficult if it is carried out in the class one by one.

6.0 Suggestions of Subsequent Research

I should acknowledge that there are many limitations in this action research. My students definitely needed plenty of guidance and urge to propel them achieve at least a Band 3 in MUET speaking test. In the course of conducting this research, I had zoomed into students' anxiety in a speaking test. The overall MUET achievement comprises of a student's performance in 4 skills: Listening, Speaking, Reading and Writing. It should be noted that generally a student's ability in one particular skill corelates those in other skills. Therefore, my topics of suggestion for subsequent researches are: how use of myriad strategies for extensive vocabulary building can improve achievement in MUET; Highly Immensive Program (HIP) to supplement achievement in MUET; how to conduct extensive reading for Form 6 students. All these topics are potential research areas meant to improve students' achievement in MUET.

Bibliography

- Adam Felman. (2019) What to know about anxiety.
<https://www.medicalnewstoday.com/articles/323454.php>
- Benmansour, N. (1999). Motivational orientations, self-efficacy, anxiety and strategy use in learning high school mathematics in Morocco. *Mediterranean Journal of Educational Studies*, 4, 1-15.
- Cannon, W. B. (1929). *Bodily changes in pain, hunger, fear, and rage*. NY: Appleton.
- Desiderato, O. & Koskinen, P. (1969). Anxiety, study habits and academic achievement. *Journal of Consulting Psychology*, 16, 162-165.
- Head, L. Q., & Lindsey, J. D. (1983). Anxiety and the university student: A brief review of the professional literature. *College Student Journal*, 17, 176-182.
- Hembree, R. (1990). The nature, effects, and relief of mathematics anxiety. *Journal for Research in Mathematics Education*, 21, 33-46.
- Leonard, M. & Davey, C. (2001). *Thoughts on the 11 plus*. Belfast: Save the Children Fund.
- Luria, A. R. (1932). [*The nature of human conflicts*] (W. H. Gantt, trans). NY: Liveright.
- McLeod, W. T. (Ed). (1992). *The new Collins Dictionary and Thesaurus in one volume*. England: HarperCollinsPublishers.
- Mandler, M. J. & Sarason, S. B. (1952). A study of anxiety and learning. *Journal of Abnormal and Social Psychology*, 47, 106-173.
- Marzita Puteh. (2002). *Factors associated with mathematics anxiety*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Maznah Ismail & Ng Wai Kong. (1985). Relationship of locus of control, cognitive style, anxiety, and academic achievement of a group of Malaysian primary school children. *Psychological Reports*, 57, 1127-1134.
- Ng See Ngean. (1977). School anxiety and achievement. *Jurnal Pendidikan*, VII, 79-83.
- Ng See Ngean. (1971). School anxiety and achievement in Malaysian primary school: A preliminary study. *Jurnal Pendidikan*, 2, 41-52.
- Sarason, S. B. & Mandler, G. (1952). Some correlates of test anxiety. *The Journal of Abnormal and Social Psychology*, 47, 810-817.
- Sourav N Mandal. (2020). Exam stress. Readers' Blog
<https://timesofindia.indiatimes.com/readersblog/political-analysis/exam-stress-24890/>
- Spielberger, C. D. & Rickman, R. L. (1990). Assessment of state and trait anxiety. In A. L. Wilson, S. Klein, & D. Klenotic (Eds). *Anxiety: Psychological and chemical perspectives* (pp. 69-83). Washington, DC: Hemisphere.
- Spielberger, C. D. (1966). *Anxiety and behaviour*. NY: Academic Press.
- Spielberger, C. D., Gorsuch, R., & Lushene, R. E. (1970). *Manual for the state-trait anxiety inventory*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.
- Sulaiman Yamin. (1988). *Frequency of testing and its effects on achievement, test anxiety and attitudes towards science of students at University Technology of Malaysia*. Unpublished Doctor of Philosophy thesis, Oregon State University, United States of America.

Liong Lina adalah seorang guru akademik tingkatan 6, SMK Bandar Sarikei. Beliau pernah berkhidmat sebagai seorang pensyarah Bahasa Inggeris di IPG Kampus Rajang pada tahun 2002 sehingga 2016. Sepanjang tempoh ini, beliau telah menghasilkan 3 buah buku, menjadi editor sudut Bahasa Inggeris Jurnal Tahunan IPG Kampus Rajang. Kini beliau mengajar Malaysian University English Test (MUET) kepada pelajar tingkatan 6.

Felicita Yii Meei Yong adalah seorang pensyarah akademik di IPG Kampus Rajang Bintangor, Sarawak. Beliau pernah berkhidmat di SMK Bandar Bintangor pada tahun 2005 hingga 2008. Pada tahun 2008 hingga 2015, beliau meneruskan perkhidmatan di SMK Kwong Hua, Sibul. Pada bulan Jun 2015 beliau berkhidmat di IPGK Rajang sehingga sekarang.

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DALAM (PBD) DALAM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS PENDENGARAN SEKOLAH RENDAH

¹Madinah Mohd Yusof (PhD), ²Mohd Hanafi Ismail, ³Mahidin Awang Itam &
⁴Siti Muhibah Hj Nor

^{1,2,4}Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
³Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
madinah@ipgkik.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran guru untuk melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Pendengaran sekolah rendah. Kajian ini menggunakan pendekatan secara kuantitatif iaitu penggunaan skala likert lima pernyataan menggunakan soal selidik yang diedarkan menggunakan *Google Forms*. Responden kajian melibatkan guru-guru pendidikan khas yang mengajar MBPK Pendengaran sekolah rendah di sebuah negeri di Malaysia. Penganalisisan data kuantitatif adalah secara min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru MBPK Pendengaran secara keseluruhan adalah pada skor min 3.97 iaitu tahap tinggi. Manakala tahap kemahiran secara keseluruhan adalah 3.80 juga pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru yang terlibat sebagai responden kajian menunjukkan tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya dilaksanakan di sebuah negeri dan penggunaan jumlah sampel yang lebih besar dan menyeluruh pastinya dapat memberikan dapatan yang lebih tepat. Cadangan kajian lanjutan berkaitan cabaran dan solusi penambahbaikan pastinya dapat memberi impak yang lebih bermakna.

Kata kunci / Keywords: *Pentaksiran Bilik Darjah, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Pendengaran*

1.0 PENDAHULUAN

Program pendidikan murid kurang upaya pendengaran bermula dari peringkat intervensi awal, pra sekolah hinggalah ke tingkatan enam dan seterusnya ke program pendidikan lanjutan. Sistem persekolahan tersebut mempunyai corak pengajaran dan pembelajaran yang sama dengan murid arus perdana. Mereka diajar dengan menggunakan kurikulum yang sama kecuali kaedah pengajaran yang memfokuskan kepada keperluan komunikasi seluruh. Oleh yang demikian, proses pentaksiran juga selari dengan sistem di aliran perdana. Sejalan dengan pelancaran PPPM 2013-2025, KPM telah menggariskan 11 anjakan strategik dan operasi yang perlu dilaksanakan bagi mencapai visi yang telah di hasratkan bagi memenuhi keperluan negara pada masa akan datang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh kerana itu, KPM telah memperkenalkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) pada tahun 2017 yang menjadi satu alat penilaian bagi menaksir secara keseluruhan tahap penguasaan murid.

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid. PBD berlaku secara formatif dan sumatif; sebagai pembelajaran, untuk pembelajaran dan tentang pembelajaran. PBD berlaku secara berterusan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), bagi semua mata pelajaran. PBD bukanlah untuk membandingkan tahap penguasaan antara seorang murid dengan murid yang lain, tetapi ia bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid dalam pembelajaran di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka. PBD merupakan sebahagian daripada kurikulum yang diguna pakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Pelaksanaan PBD ini memerlukan guru lebih efisien dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik. Ini kerana PBD berjalan sepanjang masa dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Profesion keguruan menuntut seorang guru memiliki kemahiran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan melaksanakan pentaksiran kepada MBPK Pendengaran. Sehubungan itu, guru pendidikan khas juga tidak terkecuali dan seharusnya berperanan utama dalam mencapai gagasan ini. Kompetensi guru dalam menaksir dan melaksanakan pentaksiran merupakan satu pengetahuan dan kemahiran yang sangat penting bagi memastikan setiap murid dinilai dan ditaksir sewajarnya. Tujuan utama PBD adalah untuk membantu murid dari segi pelbagai aspek serta PBD tidak bertujuan untuk membezakan tahap penguasaan murid (Halimah & Rozita, 2019). Hal ini merupakan sebabnya PBD digunakan untuk menggantikan sistem peperiksaan murid Tahun 1 hingga Tahun 6.

Norazilawati, Rosnidar, Wong, Abdul Talib, dan Noraini (2015), menyatakan faktor kumpulan pelaksana pentaksiran iaitu para guru di sekolah memainkan peranan penting dalam menentukan hasil sesuatu transformasi pendidikan. Sesuatu anjakan paradigma tidak dapat diperolehi sekiranya masih terdapat sebilangan guru tidak bersedia dan tidak memberi sepenuh kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap penerimaan kepada perubahan. Demikian juga guru pendidikan khas tidak terkecuali dalam memainkan peranan sebagai penyelaras dan pentaksir dalam pelaksanaan PBD di sekolah masing-masing. Kompetensi guru dalam mengurus dan mentadbir mampu membolehkan guru menyediakan data pelaporan PBD yang sahih disamping menjamin kualiti Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Pendengaran tersebut. Melalui maklumat yang diperolehi dari PBD, ibu bapa dan pihak sekolah berpeluang merancang tindakan susulan yang wajar dilaksanakan dalam meningkatkan pencapaian dan penguasaan murid dalam pembelajaran serta juga dapat meningkatkan keberkesanan proses PdP, bukan semata-mata gred peperiksaan. Bagi memantapkan proses tersebut, satu tafsiran yang wajar mengenai keputusan pentaksiran dan analisis perlulah dibuat oleh para guru.

Young & Kim (2010) juga menyatakan bahawa guru baru biasanya tidak bersedia untuk melaksanakan penilaian apabila mereka menghadapi realiti mengajar di dalam bilik darjah. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran sangat mungkin untuk mempengaruhi sikap dan masalah dihadapi oleh guru terhadap pelaksanaan PBD bagi MBPK Pendengaran. Sikap-sikap begini akan

menimbulkan masalah kepada guru apabila mereka melaksanakan PBD dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini menunjukkan bahawa kesediaan guru untuk melaksanakan PBD adalah bergantung kepada mereka pengetahuan dan kemahiran tentang penilaian itu sendiri. Pelaksanaan PBD ini memerlukan guru yang kompeten dan tiada pontensi untuk bersifat bias agar pelaporan yang dibuat adalah tepat dan sah mengikut kemampuan murid itu sendiri. Ali dan Veloo (2017) menyatakan pendapat yang sama iaitu potensi bias atau tidak telus dalam membuat pentaksiran kepada murid, secara langsung akan menyumbang kepada pelaporan yang tidak berintegriti serta tidak tepat. Namun, sejauh manakah pelaksanaannya PBD diimplementasikan berdasarkan kompetensi guru? Kenyataan ini mempersoalkan tahap pengetahuan dan kemahiran guru terhadap menyediakan pelaporan yang sah dan menjamin kualiti murid dalam pelaksanaan PBD. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk:

- i. mengenal pasti tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD dalam program pendidikan khas pendengaran
- ii. mengenal pasti tahap kemahiran guru untuk melaksanakan PBD dalam program pendidikan khas pendengaran

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian berkaitan pelaksanaan pentaksiran kebanyakannya memberi tumpuan kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Walau bagaimanapun, penyelidikan ini boleh dijadikan rujukan untuk PBD kerana terdapat perkaitan antara kedua-dua penilaian ini. Fakhri Abdul Khalil dan Mohd Isha Awang (2018) menegaskan dalam penyelidikan mereka bahawa kekurangan pengetahuan, latihan dan kemahiran, juga sumber material menyebabkan guru mempunyai kesediaan yang rendah terhadap pelaksanaan PBS. Keadaan ini turut menjejaskan keberkesanan penilaian tersebut terutamanya dalam kalangan guru pendidikan khas. Kekurangan pengetahuan tentang pentaksiran ini akan menjejaskan penilaian yang diberikan kepada MBPK Pendengaran.

Sh. Siti Hauzimah (2019), telah melaksanakan kajian untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru Bahasa Melayu dari segi pengetahuan dalam pelaksanaan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian beliau menunjukkan peratus pengetahuan guru dalam semua item pengetahuan amat tinggi ketika melaksanakan PBD semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Malahan responden juga mengetahui bahawa kriteria PBD bagi tahap 1 dan tahap 2 yang dilaksanakan adalah berdasarkan arahan dalam buku Panduan Pelaksanaan PBD yang dikeluarkan oleh KPM. Pelaksanaan pentaksiran perlu mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh KPM dengan merujuk DSKP setiap mata pelajaran.

Masfarizan Maslan & Mohammed Yusoff Mohd Nor (2020) menegaskan bahawa guru di Malaysia perlu menguasai sebanyak mungkin kemahiran dan teknologi untuk membolehkan mereka melaksanakan apa-apa perubahan berlaku dengan kurikulum yang akan diperkenalkan dari semasa ke semasa. Hal ini demikian kerana, kecekapan pentaksiran murid adalah bergantung kepada kebolehan guru terhadap penguasaan pentaksiran itu sendiri. Guru hendaklah sentiasa bersedia untuk menerima dan melaksanakan sebarang

perubahan dalam kurikulum yang dibuat oleh KPM. Semasa pelaksanaan PBS, guru terpaksa menggunakan sebahagian besar daripada masa mereka untuk merangka penilaian (persediaan instrumen), mengulangi mereka pelajaran, memfailkan dan merekodkan banyak bukti (Hamimah & Rohaya, 2014). Pentaksiran yang dilaksanakan biasanya mengambil masa yang lebih lama daripada pengajaran sebenar dan sesi pembelajaran.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Reka bentuk kajian tinjauan merupakan kaedah mendapatkan maklumat melalui soal selidik secara *Google Forms* yang dijalankan terhadap responden yang dijadikan sampel (Creswell & Creswell, 2018). Data kuantitatif diperoleh daripada soal selidik berskala *likert* lima pernyataan bagi menjawab semua persoalan kajian. Pendekatan kuantitatif dikatakan lebih berstruktur, mempunyai darjah keaburan yang minima, makna yang jelas, bercorak linear, mempunyai penjadualan yang jelas, dan menumpukan kepada hasil. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang guru yang mengajar dalam program pendidikan khas pendengaran di sebuah negeri di Semenanjung Malaysia. Soal selidik diedar menggunakan *Google Forms*. Soal selidik telah diadaptasi daripada Sh. Siti Hauzimah (2018) yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Bahagian A merupakan maklumat responden kajian.
- ii. Bahagian B berkaitan pengetahuan berkaitan PBD.
- iii. Bahagian C berkaitan kemahiran dalam PBD.

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) V22.0*. Kajian ini menggunakan analisis data secara deskriptif iaitu dalam bentuk skor min dan sisihan piawai. Interpretasi skor min adalah berdasarkan Riduwan (2012) seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1
Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 - 1.50	Sangat Lemah
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 - 4.00	Tinggi

Perbincangan dapatan kajian adalah berdasarkan interpretasi skor min keseluruhan bagi setiap objektif di samping perbincangan berkaitan skor min yang mencatatkan nilai tertinggi dan nilai paling rendah.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian difokuskan kepada tiga bahagian iaitu demografi responden kajian, dapatan objektif pertama iaitu tahap pengetahuan guru berkaitan pelaksanaan PBD, dan objektif kedua berkaitan tahap kemahiran guru berkaitan pelaksanaan PBD.

4.1 Demografi Responden Kajian

Seramai 30 responden yang terlibat dalam kajian ini, 40% berumur sekitar 21 - 30 tahun, 30% berumur 31 - 40 tahun, 20% berumur sekitar 41 tahun – 50 tahun dan 10% berumur 51 tahun ke atas. Dari aspek berpengalaman dalam bidang pengajaran, 66.7% berpengalaman mengajar melebihi daripada 5 tahun, 10% mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun. Manakala, bagi pengalaman mengajar Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) pula, semua guru mempunyai pengalaman dalam mengendalikan MBPK sebanyak 100%. Peringkat pengajar pula, 43.4% mengajar tahap 1, dan 56.7% mengajar tahap 2. Maklumat lanjut dipaparkan dalam jadual 2.

Jadual 2
Demografi Responden

Maklumat Responden		Peratus (%)
Umur	21 – 30 tahun	40
	31 – 40 tahun	30
	41 – 50 tahun	20
	50 tahun ke atas	10
Pengalaman Mengajar	Kurang 5 tahun	33.33
	Lebih 5 tahun	66.7
Pengalaman Mengajar MBPK	Ya	100
	Tidak	0
Peringkat mengajar	Tahap Satu (Tahun 1, 2 dan 3)	43.3
	Tahap Dua (Tahun 4, 5 dan 6)	56.7

4.2 Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pelaksanaan PBD Dalam Program Pendidikan Khas Pendengaran

Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai untuk menentukan tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PDB dalam program pendidikan khas pendengaran. Terdapat 11 item dalam soal selidik bahagian B. Julat skor min yang diperolehi adalah antara 3.70 hingga 4.10 yang menunjukkan semua item yang menguji tahap pengetahuan guru pendidikan khas adalah pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan guru-guru pendidikan khas yang menjadi responden kajian mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam melaksanakan PBD di sekolah. Maklumat lanjut berkaitan tahap pengetahuan guru pendidikan khas terhadap PBD boleh merujuk Jadual 4.3.

Jadual 3
Tahap Pengetahuan Guru PK Terhadap Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

BIL	ITEM	MIN	SP	TAHAP
1	Saya melaksanakan PBD semasa proses pengajaran dan pembelajaran	3.90	0.89	Tinggi
2	Saya tahu bahawa kriteria PBD berdasarkan arahan dalam buku Panduan Pelaksanaan PBD yang disediakan oleh KPM.	4.03	0.93	Tinggi

3	Saya tahu pelaksanaan PBD dapat membantu meningkatkan pencapaian murid	4.00	0.91	Tinggi
4	Saya tahu PBD mengubah kaedah sistem pengujian daripada ujian pencapaian kepada ujian kebolehan murid.	3.87	1.04	Tinggi
5	Saya tahu dalam melaksanakan PBD, pihak sekolah dikehendaki menguruskan dokumen masing-masing.	4.07	0.74	Tinggi
6	Saya tahu sekolah wajib melaksanakan PBD bagi semua mata pelajaran mulai 2017.	4.07	0.74	Tinggi
7	Saya tahu PBD memberi penekanan kepada bentuk pentaksiran yang mengukur penguasaan kemahiran berbanding penguasaan kandungan mata pelajaran	3.83	1.02	Tinggi
8	Saya tahu pihak sekolah perlu menubuhkan Jawatankuasa PBD yang terdiri daripada pentaksir, penyelaras, dan pemantau dalaman bagi memastikan PBD dikendalikan mengikut prosedur ditetapkan	4.10	0.89	Tinggi
9	Saya tahu setiap pentaksiran perlu mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Khas.	4.03	0.89	Tinggi
10	Saya tahu PBD dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KPM	4.10	0.76	Tinggi
11	Saya tahu pelaksanaan PBD meningkatkan kepuasan, kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap sekolah	3.70	1.06	Tinggi
PURATA KESELURUHAN		3.97	0.90	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan skor min keseluruhan tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD adalah 3.97 yang menunjukkan aras persetujuan pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan guru-guru yang terlibat dalam program pendidikan khas pendengaran mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam melaksanakan PBD di sekolah. Dapatan ini selaras dengan oleh Mazarul, Norazimah dan Suhaila (2021) yang mendapati tahap pengetahuan guru-guru di daerah Klang khususnya dan Selangor amnya berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini mungkin disebabkan oleh penyediaan garis panduan pelaksanaan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ini kerana item yang mencatatkan skor min tertinggi adalah 4.10 pada item 11, yang menyebut “*Saya tahu PBD dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KPM*”. Veleri dan Musirin Mosin, (2021), garis panduan diberikan kepada guru dan organisasi sekolah untuk mengurus dan merancang PBD MBK PPKI di sekolah rendah. Di samping itu, latihan dan perbengkelan juga disediakan untuk memberikan pengetahuan kepada guru berkaitan PBD (Baskaran Kannan et al. 2021). Beliau juga menyatakan bahawa kesemua peserta bengkel PBD memahami konsep Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan jelas, berkeyakinan untuk melaksanakan pentaksiran tersebut dengan berkesan serta bersetuju terhadap pemansuhan peperiksaan untuk murid Tahap Satu. Kebanyakan guru yang terlibat dengan kursus dan bengkel

tersebut juga bertambah yakin untuk melaksanakan PBD dengan berkesan kerana adanya garis panduan yang jelas oleh KPM.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa skor min terendah adalah pada item 11 yang menyebut “*Saya tahu pelaksanaan PBD meningkatkan kepuasan, kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap sekolah*”. Dapatan ini menunjukkan bahawa, walaupun mendapat skor pada tahap yang tinggi, tetapi guru masih menunjukkan keraguan dari aspek kepuasan, kepercayaan dan keyakinan terhadap pelaksanaan PBD. Dapatan ini juga dipersetujui oleh Norazilawati (2012), sesuatu paradigma tidak dapat diperoleh jika masih terdapat guru yang tidak yakin tentang penerimaan kepada perubahan. Tambahan lagi, sikap guru terhadap pelaksanaan PBD menunjukkan mereka kurang yakin bahawa PBD merupakan penilaian terbaik yang dapat menggantikan sistem penilaian sedia ada sehingga menjejaskan kemahiran mereka melaksanakan PBD dengan lebih baik dan berkesan (Siti Nor Aisah et al., 2018).

4.3 Tahap Kemahiran Guru Terhadap Pelaksanaan PBD Dalam Program Pendidikan Khas Pendengaran

Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan nilai skor min dan sisihan piawai untuk menentukan tahap kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD dalam Program Pendidikan Khas Pendengaran. Terdapat 11 item dalam soal selidik bahagian C. Dapatan menunjukkan julat skor min adalah antara 3.47 pada tahap sederhana hingga 3.90 pada tahap tinggi. Ini menunjukkan kebanyakan item yang menguji tahap kemahiran guru pendidikan khas adalah pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan guru-guru pendidikan khas yang menjadi responden kajian mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan PBD di sekolah. Maklumat lanjut berkaitan tahap kemahiran guru pendidikan khas terhadap pelaksanaan PBD boleh merujuk Jadual 4.4.

Jadual 4

Tahap Kemahiran Guru PK Terhadap Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

BIL	ITEM	MIN	SD	TAHAP
1	Saya menetapkan objektif pentaksiran yang hendak diuji semasa membina instrumen pentaksiran	3.87	0.97	Tinggi
2	Saya menjadikan Dokumen Standard Prestasi pentaksiran sebagai panduan terbaik untuk Tahap 1 dan DSKP untuk Tahap 2	3.90	0.92	Tinggi
3	Saya melaksanakan pentaksiran secara berterusan semasa PdP dijalankan di dalam kelas.	3.87	1.07	Tinggi
4	Saya mempelbagaikan kaedah pentaksiran yang bersesuaian ketika mentaksir murid.	3.83	1.12	Tinggi
5	Saya mempelbagaikan instrumen pentaksiran yang bersesuaian ketika mentaksir murid.	3.77	1.13	Tinggi

6	Saya merujuk kepada DSP dan DSKP untuk menentukan band dan tahap penguasaan murid.	3.77	1.10	Tinggi
7	Saya memberitahu murid bahawa mereka akan ditaksir sebelum taksiran dilaksanakan	3.47	1.20	Sederhana
8	Saya melakukan pentaksiran sendiri dan menentukan band dan tahap penguasaan murid.	3.93	0.91	Tinggi
9	Saya meningkatkan kemahiran mentaksir setelah menjalankan beberapa kali pentaksiran	3.90	1.00	Tinggi
10	Saya mengendalikan band atau tahap penguasaan dan evidens murid berdasarkan sukatan pelajaran pendidikan khas	3.80	1.00	Tinggi
11	Saya memasukkan prestasi murid dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Sekolah secara 'Off-line' secara teratur.	3.70	1.12	Tinggi
Purata Keseluruhan		3.80	1.05	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan adalah 3.80 yang menunjukkan persetujuan pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan guru-guru yang terlibat dalam program pendidikan khas mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan PBD di sekolah. Dapatan ini menunjukkan guru juga mempunyai tahap kemahiran yang tinggi untuk melaksanakan PBD. Ini terbukti dalam kajian yang telah dijalankan oleh Sh. Siti Hauzimah (2019) yang mendapati skor min yang tinggi melebihi 4.00 bagi semua item yang diuji. Skor min tertinggi adalah 4.93 pada item 8, yang menyebut “*Saya melakukan pentaksiran sendiri dan menentukan band dan tahap penguasaan murid*”. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian oleh Hazuriana Hajmi & Khairul Jamaludin (2022) yang mendapati kemahiran responden bukan sahaja pada peringkat penentuan tahap penguasaan, malahan responden mahir dalam melaksanakan pentaksiran secara berterusan sepanjang sesi PdPC di dalam kelas. Dapatan kajian beliau juga mendapati responden juga mahir menggunakan pelbagai instrumen yang bersesuaian untuk menaksir murid. Penambahbaikan dalam kemahiran menaksir murid juga dipertingkatkan setelah beberapa kali menjalankan pentaksiran dengan melakukan pentaksiran sendiri dan menentukan tahap penguasaan murid.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa skor min terendah adalah pada item 7 yang menyebut “*Saya memberitahu murid bahawa mereka akan ditaksir sebelum taksiran dilaksanakan*”, yang mendapat skor min 3.47 pada tahap sederhana. Dapatan ini mungkin disebabkan fokus pentaksiran yang melibatkan tiga jenis yang bebezanya iaitu Pentaksiran Kendiri, Pentaksiran Rakan Sebaya dan Pentaksiran tentang Pembelajaran serta PBD boleh ditaksir menggunakan pelbagai kaedah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Oleh yang demikian, makluman kepada murid sebelum pelaksanaan pentaksiran kurang diperlukan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru pendidikan khas juga mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan proses pentaksiran yang selaras dengan keperluan semasa. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan kesediaan guru dari segi tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang tinggi dapat melancarkan proses pentaksiran terhadap murid secara telus dan tepat. Pengetahuan dan kemahiran guru yang tinggi, membuktikan bahawa guru sememangnya tunjang dalam melaksanakan perubahan sistem pendidikan negara demi kemenjadian murid agar kandungan dalam Falsafah Pendidikan Negara dapat dicapai dengan jayanya.

4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru pendidikan khas yang mengajar MBPK pendengaran menunjukkan tahap yang tinggi dalam pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan PBD di sekolah. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi guru dalam melaksanakan PBD terutamanya bagi MBPK Pendengaran. Dapatan kajian ini juga menunjukkan majoriti guru mengakui bahawa mereka mempunyai penyelaras PBD dan SISC+ dari KPM yang sentiasa membantu mereka dalam meningkatkan pengetahuan tentang PBD bagi memastikan PBD dapat dilaksanakan dengan lancar. Segala bentuk bimbingan mereka bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan guru malah mereka juga berperanan untuk memastikan tahap pengetahuan guru terutamanya dapat diselaraskan di seluruh negara. Tahap pengetahuan yang positif dan tinggi membolehkan guru pendidikan khas untuk merancang dan melaksanakan penilaian dan pentaksiran kepada MBPK Pendengaran dengan cekap dan efektif. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian-kajian yang telah di laksanakan sebelum ini seperti kajian oleh Yuh & Kenayathulla (2020) yang nyatakan bahawa guru di SJKC melaksanakan PBD dengan sangat baik pada setiap peringkat PdP iaitu sebelum PdP (perancangan), semasa PdP dan selepas PdP. Begitu juga dapatan kajian oleh Ilhavenil et al. (2020), beliau mendapati guru berupaya menjalankan pelbagai kaedah pentaksiran dan guru juga mampu mengukur pencapaian murid dengan baik. Manakala, Salleh et. Al (2019) dan Rosli et.al (2022) juga berpendapat bahawa guru-guru telah biasa dengan pelaksanaan PBD. Kenyataan tersebut sejajar dengan hasil dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa guru pendidikan khas mempunyai tahap kemahiran yang tinggi dalam mengendalikan PBD bagi MBPK Pendengaran terutamanya dari segi kemahiran dan kebolehpayaan guru dalam melaksanakan PBD menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran. Walau bagaimanapun, kajian selanjutnya boleh memfokuskan kepada cabaran dan cadangan dalam menambahbaik pelaksanaan PBD. Ini kerana dapatan kajian lepas juga menunjukkan banyak cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan PBD seperti kajian oleh Karen Reenai & Maslawati (2020) cabaran besar dalam pelaksanaan PBD adalah tahap keyakinan guru yang rendah dalam menghasilkan laporan mengikut format PBD yang disediakan oleh KPM. Kedua-duanya menyatakan juga bahawa guru sangat terbeban dengan keperluan untuk menyediakan laporan PBD.

5.0 RUJUKAN

- Ali, R. M., & Veloo, A. (2017). Teachers' autonomy and accountability in assessing Students' physical education in school-based assessment. In I. H. Amzat & N. P. Valdez (Eds.). *Teacher development and towards professional empowerment practices perspectives across borders*, (p. 71).
- Baskaran K., Ganesan S., Santhiran A., Balakrishnan P. (2021). Students' Learning Styles in the Classroom and It's Importance to Educators in the Teaching and Learning Process: An Overview. *International Journal of Multidisciplinary Research, EPRA International Journal of Multidisciplinary Research (IJMR)*
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (5th ed.)*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Halimah Jamil & Rozita Radhiah Said. (2019). Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu Dalam Pentaksiran Bilik Darjah, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 9 (2) 25-36
- Hamimah Abu Naim & Rohaya Talib. (2014). Cabaran Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Dilema Guru. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN 2014)*.
- Hazuriana Hajmi & Khairul Jamaludin (2022). *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 4, No. 4, 119-125
- Ilhavenil Narinasamy, Logeswari Arumugam, Siew Siew Kim & Sudiman Musa. (2020). Teachers' Perceptions on the Implementation of KSSR (Revised 2017) and KSSM: An Online Survey. *Jurnal Kurikulum*, 5, 153-163.
- Karen Reenai Hillson & Maslawati Mohamad. (2020). The evaluation of classroom based reading assessment using context, input, process and product model. *Prosiding on Regional Conference on Lesson Study (ReCoLS 2020)*, 113- 126.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pra sekolah hingga lepas menengah*. Kuala Lumpur: KPM
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Putrajaya: Malaysia.
- Masfarizan Maslan & Mohammed Yusoff Mohd Nor. (2020). Kebolehlaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Secara Atas Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Prosiding Seminar Nasional FIP 2020*, 213-218
- Norazilawati Abdullah, Noraini Mohamed Noh, Rosnidar Mansor, Abdul Talib Mohamed Hashim & Wong, K. (2015). Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Kalangan Guru Sains. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 5(1), 89-102
- Norazilawati Abdullah. (2012). *Pelaksanaan Pendekatan Konstruktivisme dalam Mata Pelajaran Sains*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Perak.
- Riduwan. (2012). *Skala Pengukuran Variabel-variable: Penelitian*. Alfabeta, Bandung.
- Rosli, S., Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103.

- Salleh, M., Sarkowi, A., Jafar, M. F., Arif, Z. M., & Hamid, H. A. (2019). Tahap literasi guru terhadap pendekatan dalam pentaksiran bilik darjah. *Seminar Antarabangsa Isu- Isu Pendidikan (ISPEN 2019)*, 12–24.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. 2019. Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9(1): 56-67.
- Siti Nor Aisah Moktar, Zaliza Hanapi, Kiong, T. T, Suriani Mohamed & Ridzwan Che Rus. (2018). Kesediaan, Penerimaan dan Pengoperasian Guru Reka Bentuk dan Teknologi Terhadap Amalan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *The Emerging Trends of TVET and Sosial Sciences in Asia Pacific Countries*, 10(3), 89-94.
- Velerie W. P. & Musirin Mosin. (2021). Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah Murid Berkeperluan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif di Sekolah Rendah. *Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)*.
- Young, V. M., & Kim, D. H. (2010). Using assessments for instructional improvement: [A literature review.](http://epaa.asu.edu/ojs/article/view/809)
- Yuh, T. J., & Kenayathulla, H. B. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah dan prestasi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Hulu Langat, Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 70-90.

BIODATA PENULIS

Dr Madinah Mohd Yusof, merupakan Pensyarah Cemerlang Gred DG52 di Jabatan Pendidikan Khas, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Beliau mendapat Ijazah Doktor Fasaah pada tahun 2014 dalam bidang Pendidikan Khas. Bidang kepakaran beliau adalah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran. Kajian ini dijalankan bersama pelajar sebagai projek akhir penyelidikan bagi Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian Pendidikan Khas Masalah Pendengaran.

KESEDIAAN GURU SEJARAH MELAKSANAKAN PENDIDIKAN SIVIK DI SEKOLAH RENDAH DARI ASPEK PENGETAHUAN, SIKAP DAN PENGALAMAN MENGAJAR.

Alexander Jakie anak Andrew Tegang dan Anuar bin Ahmad
alexiefreley@gmail.com & anuarmd@ukm.edu.my

ABSTRAK

Keberkesanan pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam subjek di sekolah bergantung kepada keupayaan guru untuk melaksanakannya. Kajian ini berobjektif untuk mengenal pasti kesediaan guru di daerah Kanowit yang mengajar Sejarah untuk mengintegrasikan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah pada peringkat sekolah rendah (SR). Kajian ini bersifat kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk tinjauan. Set soal selidik digunakan untuk dijadikan instrumen kajian. Kajian ini melibatkan sampel yang terdiri daripada populasi 35 orang guru SR yang mengajar subjek Sejarah di sekitar daerah Kanowit, Sarawak. Analisis data diproses secara deskriptif. Inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah korelasi Pearson. Wujud hubungan positif yang nyata antara kesediaan guru untuk melaksanakan Pendidikan Sivik dengan tahap pengetahuan dan sikap guru tentang Pendidikan Sivik melalui dapatan kajian yang diperoleh. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan bahawa hubungan yang signifikan tidak wujud antara kesediaan guru dengan pengalaman mengajar. Hasil kajian ini dapat dijadikan petunjuk oleh pentadbir sekolah untuk mengetahui kelebihan dan kekurangan guru berdasarkan tahap kesediaan mereka. Pentadbir boleh menggunakan kajian ini sebagai panduan untuk membangunkan lebih banyak strategi bagi meningkatkan kesediaan guru untuk melaksanakan Pendidikan Sivik di sekolah mereka.

Kata kunci: pendidikan sivik, guru sedia, pengetahuan, sikap, pengalaman mengajar

ABSTRACT

The effectiveness of the implementation of Civic Education in History Subjects at school level rely on teachers' ability. The objective of this study is to identify the willingness of History teachers to integrate Civic Education in history subjects in low schools. A quantitative study in the form of a review applied in this study. This study used a set of probing questions as the study instrument. The study sample consisted of 35 Primary school teachers who teach History subjects around Kanowit area, Sarawak. Data were analysed descriptively and Pearson correlation inference was also conducted. The findings of the study show that there is a significant positive relationship between teachers' willingness to implement civic Education and their level of knowledge and attitude about Civic Education. However, no significant relationship show between teachers' willingness and teaching experience in this study's finding. Based on findings of this study, the implication will help headmaster to access teachers' strengths and weaknesses through the profile of teachers' willingness levels and subsequently devise appropriate strategies to improve teachers' willingness to implement Civic Education in schools.

Keyword: civic education, teacher willingness, knowledge, attitude, teaching experience

1.0 Pengenalan

2.0

Pendidikan Sivik mula dilaksanakan semula di sekolah bermula Jun 2019. Menurut tafsiran yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pendidikan Sivik merupakan ilmu tatanegara yang bertujuan melahirkan rakyat yang bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara (KPM, 2019). Penambahbaikan dan pembaharuan dalam subjek Sejarah di peringkat sekolah dengan menjalankan Pendidikan Sivik memberi nafas baru terhadap kemenjadian murid bagi membentuk murid yang mempunyai semangat patriotik dan kewarganegaraan yang tinggi. Antara pembaharuan yang dilaksanakan ialah pengajaran dan pembelajaran pendidikan sivik yang dijalankan secara integrasi dalam subjek Sejarah bagi menambahkan Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik (EKNS) yang diilhamkan oleh bekas menteri pendidikan, Dr Maszlee Malik hasil perbincangan dengan pakar-pakar (KPM, 2019).

Pendidikan sivik diperkenalkan sebagai langkah KPM memenuhi hasrat untuk melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai nilai patriotisme dalam diri, memiliki kesedaran hak serta peranan sebagai rakyat (KPM, 2019). Kesedaran sivik dapat membantu mempertahankan demokrasi yang semakin dijalankan di sesebuah negara (Kloubert et al., 2023). Selain itu, pendidikan sivik dijadikan medium untuk membentuk akhlak mulia dan keperibadian tinggi dari pelbagai perspektif merangkumi diri, keluarga, sekolah, masyarakat dan negara (KPM, 2019).

Sebuah kurikulum yang membangun seperti pelaksanaan pendidikan Sivik adalah melalui sebuah proses yang berterusan merangkumi langkah merancang, melaksana dan proses menilai (O'Neill (2010). Oleh itu, peranan guru penting bagi menjadikan pendidikan sivik dilaksanakan secara berkesan di peringkat Sekolah Rendah (SR). Guru berfungsi sebagai individu utama untuk meluaskan kurikulum kerana semua sikap yang ditunjukkan guru dapat membantu murid-murid meningkatkan kemahiran pembelajaran (Baharuddin, 2011). Dapatan kajian awal tentang pelaksanaan pendidikan sivik ini mampu memberikan gambaran fenomena guru sejarah di SR berdasarkan faktor kesediaan guru untuk mengajar pendidikan sivik. Kajian pendidikan sivik penting untuk dijalankan di SR untuk mengumpul maklumat bagi mengesan tahap keberkesanan pelaksanaan pendidikan sivik di peringkat sekolah. Terdapat beberapa faktor yang memainkan peranan terhadap tahap kesediaan guru menjalankan sesuatu dasar dan perkara baru merangkumi aspek pengetahuan guru, pengalaman mengajar dan sikap guru terhadap perubahan (Vhyshnavi & Khairul, 2021). Sehubungan itu, pelaksanaan kajian ini untuk melihat tahap kesediaan pendidik yang mengajar sejarah di sekolah rendah daerah Kanowit untuk menjalankan penyepaduan Pendidikan Sivik dalam sesi pembelajaran dan pengajaran.

2.0 Tinjauan Literatur

KONSEP PENDIDIKAN SIVIK

Pelaksanaan Pendidikan Sivik bukanlah perkara yang baru dalam pendidikan di negara kita. Mok (2010) menyatakan takrifan pendidikan sebagai sebuah proses atau perbuatan bagi meningkatkan tubuh, pemikiran, bersosial, dan perasaan bagi murid. Pendidikan bertujuan meningkatkan kemahiran, kemampuan, ilmu, dan pengalaman agar dapat memberi manfaat kepada murid. Pendidikan dapat mempengaruhi cara berfikir dan mengambil tindakan yang baik supaya membawa manfaat kepada murid, keluarga, orang sekeliling dan negara. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) menyatakan bahawa sivik merupakan pengetahuan tatarakyat. Sivik juga diertikan sebagai hak, perasaan tanggungjawab dan sebagainya seseorang terhadap masyarakatnya. Ardi Syazwan (2021) menyatakan bahawa Pendidikan Sivik dapat membantu membentuk corak pemikiran dan tingkah laku seseorang agar memiliki sikap tanggung jawab kepada negara dan orang sekeliling. Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran sejarah sekolah rendah boleh disifatkan sebagai penerapan ilmu tatarakyat kepada murid-murid sejak kecil.

Pada tahun 2005, Pendidikan Sivik pernah dijadikan satu subjek yang tersendiri. Pelaksanaan Pendidikan Sivik kemudiannya dimansuhkan bermula pada tahun 2013 bagi SK dan tahun 2017 untuk Sekolah Menengah (SM). Pendidikan Sivik dilaksanakan semula di semua sekolah seluruh Malaysia bermula Jun 2019 (KPM, 2019). Kementerian Pelajaran Malaysia (2019) menyatakan bahawa Pendidikan Sivik merupakan usaha kerajaan untuk menggerakkan seseorang warganegara itu supaya bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara terutamanya golongan muda. Pendidikan Sivik diharapkan mampu menerapkan semangat patriotisme, mempunyai kesedaran tentang hak dan keprihatinan seseorang rakyat Malaysia. Selain itu, pendidikan sivik diharapkan mampu menyemai akhlak yang mulia dan sifat peribadi tinggi dari semua aspek terhadap diri murid, ahli keluarga, orang sekeliling dan tanah air.

Pelaksanaan semula Pendidikan Sivik bermula Jun 2019 berbeza dengan versi yang sebelumnya. Pendidikan Sivik tidak dijadikan subjek tersendiri tetapi diintegrasikan ke dalam mata pelajaran lain. Pendidikan sivik diperuntukan masa sebanyak satu jam yang dilaksanakan semasa minggu terakhir setiap bulan menggunakan masa mengajar subjek yang terlibat. Pelaksanaan pendidikan sivik dibuat melalui kaedah integrasi yang menekankan faktor literasi dan amali sivik secara luar dan dalam bilik darjah. Literasi sivik merangkumi faktor ilmu tatanegara, perasaan terhadap negara dan amalan kewarganegaraan yang disisipkan dalam kurikulum pembelajaran yang perlu dipelajari murid (KPM, 2019). Elemen-elemen tersebut diterapkan dalam kurikulum-kurikulum yang terdiri daripada subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah.

Menurut Che Awang dan Tayeb (2022), subjek Sejarah dan Pendidikan Sivik misalnya berperanan penting untuk mengembangkan potensi murid bagi mewujudkan insan yang harmonis dan seterusnya mencapai matlamat perpaduan kaum. Hal ini demikian kerana, Subjek Sejarah membolehkan murid

untuk mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa penting yang berlaku kepada negara, manakala Pendidikan Sivik pula membolehkan murid untuk meneroka nilai-nilai kewarganegaraan inklusif, termasuklah dari sudut perpaduan, pengiktirafan diri serta solidariti. Justeru, perkara ini melambangkan rasional pengintegrasian serta penyepaduan Pendidikan Sivik di dalam subjek Sejarah.

KESEDIAAN GURU

Kesediaan diambil daripada kata dasar sedia. Kamus Dewan Edisi Ke-empat (2007) memberikan takrifan sedia sebagai bersiap siaga, tindakan sanggup dan rela. Kesediaan merupakan kemampuan seseorang menyediakan diri untuk melakukan sesuatu yang dapat dilihat daripada tiga aspek iaitu persediaan pemikiran, persediaan emosi dan persediaan fizikal badan, menurut Mok (2008). Gill dan Dalgarno (2008) berpendapat bahawa kesediaan bermaksud keadaan yang menunjukkan seseorang telah dapat melakukan sesuatu dalam kadar segera semasa diperlukan. Hanapi et al. (2022) di dalam kajiannya telah memperlihatkan bahawa pendidik di sekitar Kuala Langat telah bersedia untuk melaksanakan pendidikan abad ke-21, iaitu pendekatan terkini yang sewajarnya menjadi amalan para guru apabila dinilai dari sudut kognitif, afektif serta tingkah laku. Di samping itu, berdasarkan kajian oleh Kamaruddin (2015) telah meneroka aspek kesediaan guru dalam mengajar pendidikan sivik. Kajian yang melibatkan 133 guru ini menunjukkan dapatan bahawa guru memiliki keinginan yang sangat tinggi untuk mengajar subjek ini seandainya mereka dibekalkan dengan latihan dan sokongan yang sewajarnya. Kamaruddin et al. (2021) pula menjelaskan bahawa terdapat keperluan untuk menilai tahap kesediaan guru dalam mengajar elemen Pendidikan sivik yang disepadukan ke dalam lima subjek utama seperti dalam ketetapan yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia memandangkan ianya digabungkan dan boleh memberikan beban kepada para guru. Leighton (2004) yang menjalankan kajian dalam kalangan guru-guru Pendidikan Sivik di England misalnya melaporkan bahawa guru-guru yang lebih berpengalaman di dalam bidang Sains Sosial menyokong pelaksanaan subjek ini di samping menyatakan bahawa mereka sangat yakin dan bersedia untuk mengajar subjek ini. Manakala guru yang tidak berpengalaman pula melihat subjek ini sebagai satu ancaman disebabkan oleh kurangnya pendedahan yang diberikan mengenai subjek tersebut, seterusnya menyebabkan mereka tidak bersedia untuk mengajar. Kajian yang dijalankan oleh Leighton (2004) selari dengan kajian yang dilakukan oleh Kamaruddin (2016), dimana kajian oleh Kamaruddin (2016) menunjukkan terdapatnya perkaitan yang positif antara pengalaman mengajar di dalam bidang Sains Sosial dan tahap kesediaan mengajar Pendidikan Sivik.

PENGETAHUAN

Pengetahuan bermaksud perkara yang berkaitan dengan ilmu yang dapat ditunjukkan melalui sifat pandai, bijak dan berpelajaran menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Berdasarkan kajian Ahmad dan Jingga (2017), pengkaji telah menyatakan bahawa guru Sejarah yang berpengetahuan tinggi tentang isi pembelajaran yang hendak dilaksanakan dapat meningkatkan tahap pencapaian murid. Tambahan pula, guru-guru perlu berpengetahuan tentang

isi kandungan pembelajaran terutamanya bagi guru bukan opsyen bagi memastikan kualiti pembelajaran terjamin (Hamid et al., n.d.). Penguasaan pengetahuan pedagogi dan kandungan adalah faktor penting dalam menentukan tahap pengajaran guru dimana kajian yang dijalankan oleh Ambotang dan Anuar (2022) menunjukkan bahawa pengetahuan antara guru dan kualiti pengajaran di sekolah rendah terdapat hubungan yang signifikan. Akun (2020) telah menjalankan kajian bagi menilai tahap kesediaan guru sekolah rendah dalam menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek sejarah berpaksikan kepada aspek pengetahuan daripada sudut kandungan Pendidikan Sivik termasuk kepentingan pelaksanaannya, pengetahuan pentaksiran serta pengetahuan pedagogi. Kajian yang melibatkan 811 responden yang merupakan guru dari sekolah rendah di Zon Kuching, Sarawak ini mempamerkan pengetahuan responden berada pada tahap yang sederhana bagi aspek yang dikaji. Justeru, kajian ini menyimpulkan bahawa seandainya pengetahuan guru dapat ditingkatkan melalui latihan dan bimbingan, nescaya aspek pengetahuan ini dapat ditingkatkan sekali gus meningkatkan tahap kesediaan guru untuk mengajar Pendidikan Sivik yang diintegrasikan dalam subjek yang lain. Namun yang demikian, kajian ini tidak menyentuh secara spesifik tahap pengetahuan guru Sejarah dalam menyepadukan Pendidikan Sivik di dalam sesi pembelajaran dan pengajaran.

SIKAP

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), sikap merupakan perlakuan dan pendapat terhadap sesuatu perkara. Secara konseptualnya, Terdapat tiga bahagian utama sikap menurut ahli psikologi Allport iaitu sifat percaya yang merupakan keberanian diri, hidup beremosi atau kemampuan menilai tentang suatu perkara dan cenderung untuk mengambil tindakan (Mulyanti dan Fachrurrozi, 2017). Katz menyatakan sikap sebagai perkara yang memberikan pengaruh kepada seseorang untuk menilai sesuatu yang terhasil daripada emosi, keyakinan dan emosi seseorang (Rudawska, 2017). Justeru, kesediaan seseorang guru untuk menjalankan sesuatu perubahan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran terhasil daripada sikap yang positif. Menurut Mohamed, Jasmi dan Zailaini (2016), sikap positif guru memberikan impak yang besar dalam menyumbang kejayaan pelaksanaan sesi pengajaran yang berlaku dalam kelas. Kamaruddin et al. (2021) telah mengkaji pengaruh sikap dan penglibatan guru terhadap pengintegrasian subjek sivik dalam subjek lain. Kajian yang melibatkan 232 responden ini mencadangkan bahawa secara amnya guru-guru menunjukkan sikap yang positif dengan pengajaran subjek Sivik dimana mereka dilaporkan mempunyai keyakinan yang tinggi. Namun yang demikian, dapatan kajian daripada Kamaruddin et al. (2021) ini kontra dengan dapatan kajian daripada Mahmood (2014). Menurut Mahmood (2014), hasil daripada temu bual separa berstruktur dengan 20 orang guru mendapati bahawa mereka kurang yakin untuk mengajar Pendidikan Sivik berpunca daripada faktor seperti kekurangan latihan dan pengetahuan yang sewajarnya. Pendapat yang berbeza daripada kajian-kajian yang lepas telah mewujudkan satu keperluan untuk mengkaji sikap guru dalam menyepadukan pendidikan sivik di dalam matapelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

PENGALAMAN MENGAJAR

Tahap persediaan guru melaksanakan pendidikan sivik turut dilihat daripada aspek pengalaman guru mengajar. Baharin dan Hasnita (2010) mengatakan bahawa kematangan dan pengalaman guru berperanan penting dalam membantu guru bersedia untuk menjalankan tugas dan kerja yang diamanahkan. Noriati et al. (2012) merujuk kepada teori Lima Peringkat Perkembangan Guru (LPPG) yang dikemukakan Trotter pada tahun 1986 bagi melihat pengalaman mengajar seseorang guru. Trotter (1986) dalam teori LPPG menyebut tentang tahap kemajuan guru boleh dipecahkan kepada lima tahap yang disebut guru novis, guru novis lanjutan, guru cekap, guru mahir dan guru pakar. Guru yang telah melebihi lima tahun tempoh perkhidmatan dikenali sebagai guru berpengalaman. Perkhidmatan guru kurang daripada lima tahun dikategorikan sebagai guru kurang pengalaman (Akerson et al., 2000). Dalam kajian ini, terdapat lima pecahan tempoh perkhidmatan yang dibahagikan kepada dua bahagian utama. Guru yang memiliki tempoh berkhidmat tidak melebihi lima tahun dikelaskan sebagai kurang pengalaman. Guru yang telah berkhidmat melebihi lima tahun dikategorikan sebagai berpengalaman.

3. ASAS KAJIAN: TEORI DAN MODEL YANG TERLIBAT

1. Teori Perubahan Pendidikan Fullan (2001)

Menurut Fullan (1993), usaha untuk melakukan perubahan dan anjakan paradigma bukanlah perkara yang mudah terutamanya bagi guru yang telah selesa dengan rutin harian mereka. Guru-guru akan mempersoalkan autonomi sebagai seorang guru dalam mengambil tindakan. Kebebasan dan kreativiti sangat diperlukan oleh guru untuk menjalankan tugas berbanding mengikut manual yang telah ditetapkan oleh pihak atasan kerana guru lebih memahami keperluan pelaksanaan di lapangan. Fullan (2001) dalam Teori Perubahan Pendidikan membahagikan proses perubahan kepada tiga fasa iaitu proses bermula, proses melaksanakan dan proses pengukuhan dalam institusi. Guru-guru akan bersikap lebih positif dalam menjalani proses perubahan sekiranya keperluan mereka dipenuhi. Proses perubahan dalam pendidikan akan berjaya apabila guru bersikap positif menerima perubahan. Kejayaan melakukan perubahan dalam bidang pendidikan memerlukan kerjasama yang padu antara semua pihak yang terlibat terutamanya penggubal dasar dan pelaksana dasar.

2. Model Bryant (1974) Proses Pendidikan (MPP)

Menurut Bryant (1974) dalam MPP, terdapat punca utama menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan pdpc. Punca-punca utama tersebut ialah aspek input, cara bekerja dan sikap. Penyelidikan kali ini menekankan punca input sebagai perkara yang diketahui guru tentang pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah. Manakala aspek gerak kerja disifatkan sebagai skop ilmu pendidik dalam melaksanakan pendidikan sivik. Tindak balas guru dari segi sikap terhadap pelaksanaan Pendidikan Sivik berkaitan dengan faktor sikap berdasarkan MPP. Fokus utama penyelidikan yang diambil daripada Model Bryant iaitu pengetahuan guru dan sikap untuk digunakan dalam penyelidikan ini. Penyataan ini dikukuhkan lagi dengan pendapat Hooser (1998) yang

menyatakan dua faktor ini memainkan peranan penting terhadap keberkesanan dan kejayaan sesuatu amalan.

4. RASIONAL KAJIAN

Kajian bertujuan untuk mengenal pasti kesedaran tentang kesediaan guru sejarah untuk menjalankan kurikulum Pendidikan Sivik di sekolah rendah melibatkan skop tahap ilmu, sikap dan tempoh berkhidmat (pengalaman mendidik) yang dijalankan di daerah Kanowit, Sarawak. Kajian ini penting bagi mengetahui tahap pelaksanaan pendidikan sivik dalam pendidikan sejarah bagi memastikan matlamat pendidikan sivik berjaya diterapkan dalam diri murid.

5. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengesan hubungan antara tahap kesediaan guru Sejarah menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah dengan faktor pengetahuan.
- ii. Mengesan hubungan antara tahap kesediaan guru Sejarah menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah dengan faktor sikap.
- iii. Mengesan hubungan antara tahap kesediaan guru Sejarah menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah dengan faktor Pengalaman Guru Mengajar.

6. PERSOALAN KAJIAN

- i. Adakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan guru Sejarah menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah dengan dengan faktor pengetahuan?
- ii. Adakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan guru Sejarah menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah dengan dengan faktor sikap?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan guru Sejarah menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah dengan dengan faktor Pengalaman Guru Mengajar?

7. METODOLOGI KAJIAN

Secara amnya, pemilihan sampel kajian perlu berteraskan kepada pengelasan berteraskan jantina, tempat kajian, umur mahupun sub-kelas populasi. Tujuan utama persampelan dilakukan adalah untuk mengurangkan bias dalam kajian serta memastikan bahawa peluang yang sama diberikan kepada populasi untuk turut terlibat di dalam kajian. Namun yang demikian, persampelan adalah tidak perlu sekiranya jumlah populasi adalah sedikit (Yusof, 2003). Kawasan kajian bagi penyelidikan ini merangkumi sekolah-sekolah rendah di Daerah Kanowit, Sarawak. Berdasarkan informasi yang diambil daripada Pejabat Pendidikan Daerah Kanowit, terdapat seramai 35 orang guru sejarah sekolah rendah yang mengajar di Daerah Kanowit. Oleh itu, disebabkan jumlah populasi adalah kecil, persampelan tidak diperlukan. 32 orang guru Sejarah telah melibatkan diri sebagai responden. Soal selidik dipilih sebagai instrumen

kajian. Borang soal selidik diberikan kepada peserta kajian menggunakan platform Google Form untuk mengumpulkan maklumat dan data.

Borang Soal Selidik tersebut pula dipecahkan kepada Empat (4) bahagian utama. Latar belakang responden diletakkan pada bahagian A. Pada bahagian B, enam (6) soalan telah dirangka bagi meneroka tahap pengetahuan untuk menjalankan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran sejarah sekolah rendah telah ditonjolkan. Soalan-soalan pada Bahagian C bertujuan untuk menilai sikap guru terhadap pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam subjek sejarah SR melalui 3 item penting iaitu persepsi, tahap keyakinan serta inisiatif yang di ambil oleh guru. Manakala soalan-soalan pada Bahagian D pula bertujuan untuk mencungkil tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam subjek sejarah SR. Borang soal selidik ini digunakan bagi mengetahui tahap pengetahuan, sikap serta persediaan guru untuk menjalankan pengajaran Pendidikan Sivik secara bersepadu dengan subjek Sejarah. Skala Likert lima mata digunakan sebagai skala jawapan responden bagi setiap item yang dinyatakan dalam borang soal selidik. Responden memberikan maklum balas mengikut tahap persetujuan responden tentang item-item yang ditulis berdasarkan skala Likert lima mata iaitu: "Sangat Tidak Setuju [1]", "Tidak Setuju [2]", "Tidak Pasti [3]", "Setuju [4]" dan "Sangat Setuju [5]". Skor yang diperolehi daripada pernyataan tersebut mewakili pendapat dan sikap responden.

Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 27.0 dipakai untuk membuat analisis data yang berjaya dikumpulkan. Menurut Jainuri (2019), penggunaan SSPS dapat menjadikan analisis lebih mudah, cepat dan mengurangkan kesilapan bagi data kuantitatif yang melalui proses analisis. Data-data yang dimasukkan ke dalam SSPS dilakukan dengan berhati-hati bagi mengelakkan kesilapan berlaku. Kesilapan yang berlaku akan merosakkan analisis data yang dijalankan (Pallant, 2011). Hasil daripada analisis tersebut, data-data dijadikan lebih ringkas melalui penggunaan indikator, ukuran serak (sisihan piawai), kecenderungan memusat (min) peratusan, kekerapan dan pengukuran bersesuaian yang lain. Julat penjelasan skor min yang dipakai untuk penyelidikan ini dapat dilihat pada Jadual 1 di bawah. Interpretasi skor pula diadaptasi berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Subri et al. (2016) yang dikelaskan berdasarkan kepada Jadual 2. Sisihan piawai secara amnya merujuk kepada pengukuran sebaran data. Sekiranya nilai sisihan piawai adalah rendah, kepelbagaian data adalah rendah dan data dikatakan sebagai homogen. Manakala, sekiranya nilai sisihan piawai adalah tinggi, ia menyimpulkan bahawa data yang dimiliki bersifat lebih pelbagai dan heterogen. Lebih homogen sesuatu data, lebih sah sesuatu kesimpulan yang dibuat. (Subri et al., 2016).

Jadual 1: Interpretasi Skor Purata Min

Julat	Tahap Skor Min
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Nota. Diambil daripada Jamil Ahmad, 2002, *Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian.* Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jadual 2: Interpretasi Skor Sisihan Piawai

Nilai Sisihan Piawai	Interpretasi
0.00 hingga 0.25	Sangat Rendah
0.26 hingga 0.50	Rendah
0.76 hingga 1.00	Sederhana tinggi
Lebih daripada 1.01	Tinggi

Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis profil responden kajian yang merangkumi pengalaman guru berkhidmat mengajar, jantina, kedudukan sekolah tempat berkhidmat dan opsyen guru. Tahap pengetahuan, sikap serta kesediaan guru mengimplimentasikan penyepaduan pendidikan sivik dalam subjek sejarah turut dianalisis menggunakan analisis deskriptif.

8. Hasil Kajian dan Perbincangan

PROFIL RESPONDEN KAJIAN

Tiga puluh dua (32) orang responden dari sekolah-sekolah daerah Kanowit, Sarawak telah terlibat dengan penyelidikan yang dijalankan. Profil-profil responden adalah seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Profil Resonden Kajian

Demografi Responden	Responden Kajian	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	19	59.4
	Perempuan	13	40.6
Pengalaman Mengajar (Tahun)	1 hingga 5	21	65.6
	6 hingga 10	6	18.8
	11 hingga 15	2	6.3
	16 hingga 20	0	0
	21 hingga 30	3	9.4
Lokasi Sekolah Tempat Mengajar	Bandar	13	40.6
	Luar Bandar	14	43.8
	Pedalaman	5	15.6
Pengkhususan Guru	Guru Opsyen	16	50
	Guru Bukan Opsyen	16	50
	Opsyen		

Merujuk Jadual 3, responden kajian merupakan 19 orang guru adalah lelaki (59.4) dan 13 orang merupakan guru perempuan (40.6%). Berdasarkan aspek pengalaman berkhidmat mengajar pula, responden-responden yang mempunyai pengalaman berkhidmat mengajar 1 hingga 5 tahun ialah 21 responden (65.6%), 6 hingga 10 tahun seramai 6 responden (18.8), 11 hingga 15 tahun 2 responden (6.3%), 16 hingga 20 tahun 0 responden (0.0%)

manakala 21 hingga 30 tahun 3 responden (9.4%). Guru telah berkhidmat mengajar selama melebihi lima tahun dianggap sebagai pendidik berpengalaman manakala guru berkhidmat mengajar kurang daripada lima tahun adalah guru kurang berpengalaman. Berdasarkan Jadual 3, guru berpengalaman kurang berbanding guru berpengalaman. Berdasarkan lokasi sekolah, seramai 13 orang (40.6%) guru mengajar di bandar, 14 orang (43.8%) guru mengajar di luar bandar dan 5 orang (15.6%) guru mengajar di pedalaman. Bagi guru mata pelajaran pula terdapat 16 orang responden (50%) merupakan guru opsyen manakala 16 responden (50.0%) merupakan guru bukan opsyen.

TAHAP PENGETAHUAN GURU TENTANG PENDIDIKAN SIVIK DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH

Jadual 4: Analisis deskriptif tahap pengetahuan guru tentang pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah

Kod	Pernyataan Item	Kekerapan Dan Skala Peratusan (%)				
		1	2	3	4	5
B1	Saya tahu definisi Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah SR.	0 (0)	0 (0)	4 (12.5)	16 (50.0)	12 (37.5)
	B2	Saya tahu ciri-ciri Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah SR.	0 (0)	1 (3.1)	3 (9.4)	14 (43.8)
	2.1 Saya tahu format Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah SR.	0 (0)	0 (0)	7 (21.9)	15 (46.9)	10 (31.3)
	2.2 Saya tahu cara pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah SR.	0 (0)	0 (0)	8 (25.0)	13 (40.6)	11 (34.4)
	2.3 Saya tahu Tarikh Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah SR mengikut jadual.	0 (0)	0 (0)	11 (34.4)	12 (37.5)	9 (28.1)
	2.4 Saya tahu Format Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah SR.	0 (0)	0 (0)	9 (28.1)	14 (43.8)	9 (28.1)
	2.5 Saya tahu hubungkait Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah SR dengan Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik (EKNS).	0 (0)	1 (3.1)	6 (18.8)	12 (37.5)	13 (40.6)
B3	Saya tahu kepentingan melaksanakan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah.	0 (0)	0 (0)	6 (18.8)	9 (28.1)	17 (53.1)
B4	Saya tahu kelebihan melaksanakan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran	0 (0)	0 (0)	6 (18.8)	9 (28.1)	17 (53.1)

Sejarah Sekolah Rendah.						
B5	Saya tahu proses melaksanakan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah.	0 (0)	0 (0)	8 (25.0)	10 (31.3)	14 (43.8)
Sejarah Sekolah Rendah.						
B6	Saya tahu peranan guru dalam melaksanakan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah.	0 (0)	0 (0)	7 (21.9)	12 (37.5)	13 (40.6)

Analisis Deskriptif Konstruk Pengetahuan

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Overall	32	1.00	5.00	4.3400	0.85040
Valid N (listwise)	32				

Tahap pengetahuan guru tentang kandungan, kaedah pedagogi dan penilaian pendidikan sivik merupakan satu daripada elemen yang penting untuk menyepadukannya dalam subjek Sejarah. Secara keseluruhan, pengetahuan guru terhadap pendidikan sivik menunjukkan tahap yang tinggi merujuk kepada dapatan kajian memandangkan konstruk ini mempunyai nilai min sebanyak 4.34. Pallant (2011) menjelaskan bahawa nilai min yang berada pada julat 4.01 – 5.00 berada pada tahap yang tinggi menunjukkan bahawa peserta kajian memilih 'setuju' dan 'sangat setuju' semasa menjawab persoalan kajian. Merujuk kepada Jadual 4, item B1 memperlihatkan bahawa ilmu pengetahuan tentang ciri-ciri pendidikan sivik yang menyebut "Saya tahu definisi pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah sekolah rendah" memiliki skor peratusan pada skala setuju dan sangat setuju adalah yang paling tinggi iaitu 50.0% dan 37.5%. Manakala nilai peratusan pada skala setuju dan sangat setuju yang paling rendah iaitu masing-masing 28.1% yang merujuk kepada item B2.3 "Saya tahu Tarikh Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah mengikut jadual" dan B2.4 "Saya tahu Format Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah." Item B2.3 juga berada pada tahap peratusan tidak pasti yang paling tinggi yang merujuk kepada pengetahuan tentang "Saya tahu Tarikh Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah mengikut jadual." Nilai min bagi konstruk ini telah menjelaskan bahawa guru-guru sejarah sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak berpengetahuan dari segi definisi, ciri-ciri, kepentingan, kelebihan, proses penilaian pengajaran dan pembelajaran serta peranan guru berkaitan dengan Pendidikan Sivik. Nilai sisihan piawai pula ialah 0.85, menunjukkan bahawa data tersebar secara sederhana tinggi.

TAHAP SIKAP GURU TERHADAP PENDIDIKAN SIVIK DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH

Jadual 5 pula menunjukkan kekerapan dan skala peratusan terhadap tahap sikap guru Sejarah sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak tentang penyepaduan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah.

Jadual 5: Analisis deskriptif tahap sikap guru tentang pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah

Kod	Pemyataan Item	Kekerapan Dan Skala Peratusan (%)				
		1	2	3	4	5
Persepsi Guru						
C1	Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah memenuhi keperluan Pendidikan Abad ke-21.	0 (0)	0 (0)	8 (25.0)	9 (28.1)	15 (46.9)
C2	Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah dapat meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran sejarah.	0 (0)	1 (3.1)	4 (12.5)	14 (43.8)	13 (40.6)
C3	Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah dapat menjadikan murid terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran.	0 (0)	0 (0)	4 (12.5)	14 (43.8)	14 (43.8)
C4	Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah menjadikan pembelajaran murid lebih terkait dan relevan.	0 (0)	1 (3.1)	4 (12.5)	15 (46.9)	12 (37.5)
Keyakinan Guru						
C5	Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah sangat efektif dalam melatih murid berfikir di luar kotak.	0 (0)	0 (0)	6 (18.8)	12 (37.5)	14 (43.8)
C6	Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah diyakini mampu menarik minat murid terhadap mata pelajaran sejarah.	0 (0)	1 (3.1)	6 (18.8)	13 (40.6)	12 (37.5)
C7	Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam	0 (0)	0 (0)	4 (12.5)	14 (43.8)	14 (43.8)

	mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah dapat meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran murid					
	Inisiatif guru					
C8	Saya sentiasa menghasilkan inovasi untuk meningkatkan kualiti pendidikan sejarah.	0 (0)	1 (3.1)	4 (12.5)	15 (46.9)	12 (37.5)
C9	Saya sentiasa berbincang dengan guru lain bagi mengatasi kelemahan dalam proses pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran sejarah sekolah rendah.	0 (0)	1 (3.1)	4 (12.5)	13 (40.6)	14 (43.8)
C10	Saya bersedia bekerjasama dengan guru sejarah yang lain bagi menjayakan pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah.	0 (0)	0 (0)	4 (12.5)	9 (28.1)	19 (59.4)

Analisis Deskriptif Item Persepsi

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Overall	32	1.00	5.00	4.2400	0.73080
Valid N (listwise)	32				

Analisis Deskriptif Item Keyakinan Guru

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Overall	32	1.00	5.00	4.2300	0.81460
Valid N (listwise)	32				

Analisis Deskriptif Item Inisiatif Guru

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Overall	32	1.00	5.00	4.3200	0.77140
Valid N (listwise)	32				

Analisis Deskriptif Konstruk Sikap Keseluruhan

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Overall	32	1.00	5.00	4.2500	0.87020
Valid N (listwise)	32				

Item kajian mengkaji sikap guru tentang pendidikan sivik dikaji berdasarkan tiga faktor iaitu tanggapan guru terhadap pendidikan sivik (4 item), tahap guru yakin akan pendidikan sivik (3 item) dan inisiatif yang diambil oleh guru berhubung dengan pelaksanaan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah (3 item). Analisis deskriptif sekali lagi digunakan untuk melihat tahap sikap guru terhadap pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah. Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa persepsi, keyakinan dan inisiatif guru yang mewakili konstruk sikap guru terhadap pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah masing-masing berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.24, 4.23 dan 4.32. Dari segi persepsi guru terhadap pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah, item C3 iaitu "Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah dapat menjadikan murid terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran.", nilai peratusan pada skala setuju dan sangat setuju merupakan respons yang paling tinggi iaitu 43.8% daripada peserta kajian memilih 'setuju' dan peratusan yang sama juga memilih 'sangat setuju'. Kesemua item dari segi persepsi guru berada pada tahap yang tinggi berteraskan kepada nilai min yang dijelaskan oleh Pallant (2011). Seterusnya, ketiga-tiga item (C5, C6 dan C7) yang digunakan untuk melihat aspek keyakinan guru terhadap pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah memiliki nilai peratusan pada skala setuju dan sangat setuju yang tinggi, menunjukkan bahawa guru-guru Sejarah di daerah Kanowit memiliki sikap yang positif terhadap penyepaduan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah. Berdasarkan faktor inisiatif guru, item C9, iaitu "Saya sentiasa berbincang dengan guru lain bagi mengatasi kelemahan dalam proses pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran sejarah sekolah rendah" memperoleh pada peratusan yang paling tinggi skala setuju dan sangat setuju yang paling tinggi, di mana 40.6% responden memilih 'setuju' dan 43.8% memilih 'sangat setuju'.

Secara keseluruhan, sikap guru terhadap pelaksanaan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.25. Interpretasi skor min menunjukkan nilai tersebut menunjukkan guru mempunyai persepsi dan keyakinan yang tinggi terhadap penyepaduan ini serta mengambil inisiatif seperti melaksanakan aktiviti berinovasi untuk melaksanakan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah. Sisihan piawai bagi konstruk ini pula adalah 0.87, menunjukkan bahawa data yang diperoleh tersebar dengan sederhana tinggi.

KESEDIAAN GURU DALAM MELAKSANAKAN PENDIDIKAN SIVIK DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH

Jadual 6 menunjukkan kekerapan dan skala peratusan terhadap tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak tentang penyepaduan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah.

Jadual 6: Analisis deskriptif tahap kesediaan guru tentang pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah

Kod	Pernyataan Item	Kekerapan Dan Skala Peratusan (%)				
		1	2	3	4	5
D1	Saya bersedia untuk melaksanakan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah pada masa yang ditetapkan.	0 (0)	1 (3.1)	3 (9.4)	14 (43.8)	14 (43.8)
D2	Saya berpendapat Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah sesuai dilaksanakan di sekolah rendah.	0 (0)	0 (0)	6 (18.8)	13 (40.6)	13 (40.6)
D3	Saya sudah bersedia sekiranya Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah dan Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik (EKNS) mengalami perubahan untuk penambahbaikan.	1 (3.1)	1 (3.1)	5 (15.6)	11 (34.4)	14 (43.8)
D4	Saya tahu kepentingan melaksanakan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah.	0 (0)	1 (3.1)	4 (12.5)	12 (37.5)	15 (46.9)
D5	Saya risau untuk melaksanakan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah.	3 (9.4)	4 (12.5)	5 (15.6)	11 (34.4)	9 (28.1)
D6	Saya berpendapat pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah hanya menambah beban guru.	5 (15.6)	2 (6.3)	5 (15.6)	8 (25.0)	12 (37.5)
D7	Saya selesa dengan pengajaran yang tidak dikaitkan dengan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah.	2 (6.3)	4 (12.5)	7 (21.9)	8 (25.0)	11 (34.4)
D8	Saya berpendapat	4	2	8	8	10

	Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah tidak praktikal untuk dilaksanakan di sekolah rendah.	(12.5)	(6.3)	(25.0)	(25.0)	(31.3)
D9	Saya sentiasa mencari peluang untuk memantapkan kaedah pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah di sekolah saya.	0 (0)	0 (0)	6 (18.8)	14 (43.8)	12 (37.5)
D10	Saya sedia untuk mengikuti kursus yang boleh menambah kemahiran saya berkaitan pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah.	0 (0)	0 (0)	3 (9.4)	12 (37.5)	14 (43.8)

Analisis Deskriptif Konstruk Kesediaan Guru

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Overall	32	1.00	5.00	3.9700	1.55040
Valid N (listwise)	32				

Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pendidikan sivik juga merupakan satu komponen penting untuk memastikan guru-guru lebih bersedia untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah.

Berdasar dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah secara keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi, memandangkan nilai min keseluruhan bagi konstruk ini ialah 3.97. Merujuk Jadual 5, didapati bahawa item D1 iaitu berkaitan dengan kesediaan guru yang merujuk kepada "Saya bersedia untuk melaksanakan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah pada masa yang ditetapkan." mempunyai nilai peratusan pada skala setuju dan sangat setuju yang paling tinggi, 43.8% daripada peserta kajian memilih 'setuju' dan peratusan yang sama juga telah memilih 'sangat setuju'. Manakala item yang mendapat nilai peratusan pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju tertinggi ialah item D6 yang merupakan negatif item iaitu "Saya berpendapat pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah hanya menambah beban guru", di mana 15,6% daripada responden telah memilih 'sangat tidak bersetuju' dan 6.3% memilih "tidak bersetuju". Secara keseluruhannya, kajian ini menjelaskan bahawa kebanyakan responden mempunyai tahap kesediaan yang sederhana tinggi,

walaupun terdapat responden yang menyatakan ketidaksetujuan pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah seperti item D7 dan D8, dimana majoriti daripada 32 responden memilih 'sangat setuju' dan 'setuju'. Nilai sisihan piawai juga melebihi nilai 1 bagi konstruk ini iaitu 1.55, menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai pendapat yang berbeza-beza mengenai tahap kesediaan dalam mengintegrasikan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah. Nilai sisihan piawai ini dikategorikan sebagai tinggi, dan data bagi tahap kesediaan adalah lebih bersifat heterogen.

HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN GURU DENGAN ASPEK PENGETAHUAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN SIVIK DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH

Jadual 7: Analisis deskriptif (SPSS 27.0) tahap Korelasi antara kesediaan dan pengetahuan guru sejarah terhadap pelaksanaan pendidikan sivik.

		Korelasi	
		Kesediaan	Pengetahuan
Kesediaan	Pearson Correlation	1	.731**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	32	32
Pengetahuan	Pearson Correlation	.731**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	32	32

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Nota. Data diperoleh penyelidik pada 25 Ogos 2023.

Analisis korelasi Pearson iaitu pengujian Hipotesis Nol Pertama (Ho1) dijalankan menggunakan aplikasi SSPS 27.0 dan dapatan analisis tersebut dipaparkan pada Jadual 7. Tujuan analisis korelasi Pearson dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah sekolah rendah dengan aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan pendidikan sivik.

Merujuk Jadual 7, didapati nilai pekali korelasi, $r = 0.731$ dan nilai signifikan, $p < 0.001$ ($p < 0.01$). Hipotesis nol pertama (Ho1) ditolak sebab nilai signifikan adalah kurang daripada 0.01. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik dengan aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah sekolah rendah.

Nilai pekali korelasi, $r = 0.731$ menunjukkan bahawa wujudnya hubungan positif yang tinggi antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik dengan aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah sekolah rendah berdasarkan nilai anggaran kekuatan perhubungan antara dua pemboleh ubah seperti yang terdapat dalam Jadual 7.

HO1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru dan pengetahuan guru.

HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN GURU DENGAN ASPEK SIKAP GURU TERHADAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN SIVIK DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH

Jadual 8: Analisis deskriptif (SPSS 27.0) tahap Korelasi antara kesediaan dan sikap guru sejarah terhadap pelaksanaan pendidikan sivik.

		Korelasi	
		Kesediaan	Sikap
Kesediaan	Pearson Correlation	1	.861**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	32	32
Sikap	Pearson Correlation	.861**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	32	32

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Nota. Data diperoleh penyelidik pada 25 Ogos 2023.

Pengujian Hipotesis Nol Kedua (Ho2) dilakukan menggunakan analisis korelasi Pearson dan dapatan analisis tersebut dipaparkan pada Jadual 8. Analisis korelasi Pearson dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sekolah rendah dengan aspek sikap guru terhadap pelaksanaan pendidikan sivik. Nilai pekali korelasi $r = 0.861$ dan nilai signifikan, $p < 0.001$ ($p < 0.01$) merujuk kepada Jadual 8. Oleh sebab nilai signifikan adalah kurang daripada 0.01, maka hipotesis nol kedua (Ho2) ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah dengan aspek sikap guru terhadap pelaksanaan pendidikan sivik.

Nilai pekali korelasi, $r = 0.861$ menunjukkan bahawa wujudnya hubungan positif yang tinggi antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik dengan aspek sikap guru terhadap pelaksanaan sivik dalam mata pelajaran sejarah berdasarkan nilai anggaran kekuatan perhubungan antara dua pemboleh ubah seperti yang terdapat dalam Jadual 8. HO2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru dan sikap guru.

HUBUNGAN ANTARA KESEDIAAN GURU UNTUK MELAKSANAKAN PENDIDIKAN SIVIK DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH DENGAN ASPEK PENGALAMAN MENGAJAR

Jadual 9: Analisis deskriptif (SPSS 27.0) tahap Korelasi antara kesediaan dan pengalaman mengajar guru sejarah terhadap pelaksanaan pendidikan sivik.

		Korelasi	
		Kesediaan	Pengalaman
Kesediaan	Pearson Correlation	1	.062
	Sig. (2-tailed)		.738
	N	32	32
Pengalaman	Pearson Correlation	.062	1
	Sig. (2-tailed)	.738	
	N	32	32

Nota. Data diperoleh penyelidik pada 25 Ogos 2023.

Analisis korelasi Pearson dilakukan bagi menguji Hipotesis Nol Ketiga (Ho3) dan dapatan analisis tersebut ditunjukkan dalam Jadual 9. Tujuan Analisis korelasi Pearson dilakukan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik dalam pendidikan sejarah dengan aspek pengalaman mengajar. Merujuk Jadual 9, didapati nilai pekali korelasi, $r = 0.062$ dan nilai signifikan, $p > 0.001$ ($p > 0.01$). Oleh sebab nilai signifikan adalah besar daripada 0.01, maka hipotesis nol ketiga (Ho3) diterima.

Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah dengan pengalaman mengajar. Nilai pekali korelasi, $r = 0.062$ menunjukkan bahawa tidak wujudnya hubungan antara kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah dengan pengalaman mengajar berdasarkan nilai anggaran kekuatan perhubungan antara dua pemboleh ubah seperti yang terdapat dalam Jadual 9.

HO3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan guru dan pengalaman mengajar.

PERBINCANGAN

Matlamat kajian ini dilakukan bagi meneroka tahap pengetahuan, sikap serta kesediaan para guru dalam mengintegrasikan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah. Berdasarkan kepada respons yang diperoleh daripada peserta kajian, analisa-analisa deskriptif telah dilaksanakan bagi setiap faktor yang dikaji bagi mendapatkan hasil yang penyelidikan yang konklusif.

Berdasarkan analisis keseluruhan dalam penyelidikan ini, dapat disimpulkan tahap pengetahuan guru tentang pelaksanaan pendidikan Sivik dalam mata pelajaran sejarah berada pada tahap yang tinggi. Konstruk ini mempunyai nilai min 4.34. Analisis tersebut menunjukkan bahawa guru-guru di daerah Kanowit memiliki pengetahuan tentang definisi, ciri-ciri, tujuan, faedah, cara pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta tugas guru menyepadukan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah. Terdapat perbezaan dapatan kajian ini dengan dapatan kajian yang telah dibuat oleh Akun (2020) yang melaporkan guru-guru mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana dari sudut kepentingan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sivik. Hal ini

membuktikan bahawa perspektif serta pengetahuan guru berubah dari semasa ke semasa memandangkan kajian Akun (2020) dilaksanakan beberapa tahun yang lepas.

Namun begitu, apa yang mengusarkan ialah terdapat 11 guru yang memilih “tidak pasti” pada soalan “Saya tahu Tarikh Pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah Sekolah Rendah mengikut jadual”. Ini menunjukkan masih ramai guru-guru yang kurang cakna tentang masa pelaksanaan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah. Oleh itu, pentadbir perlu mengingatkan guru tentang pelaksanaan sivik mengikut jadual yang telah ditetapkan. Jadual-jadual pelaksanaan perlu dilekatkan di papan penyataan sekolah. Pihak PPD pula harus mengingatkan sekolah tentang pelaksanaan program pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah agar dijalankan seperti yang telah dijadualkan. Samsudin dan Shaharuddin (2012), kerjasama antara semua pihak penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan pendidikan Sejarah di peringkat sekolah.

Seterusnya, hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa sikap guru terhadap pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.25. Ini membuktikan guru-guru memiliki sikap yang positif menyepadukan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah. Sikap keyakinan guru yang tinggi ini sememangnya sangat penting bagi menjamin keberkesanan penyampaian ilmu kepada murid seperti yang ditekankan oleh Kamaruddin (2016). Dapatan penyelidikan ini selari dengan kajian yang dibuat oleh Kamaruddin et al. (2021) yang melibatkan 232 responden ini menerangkan terdapat hubungan positif yang wujud di antara sikap positif dan keyakinan tinggi terhadap keberkesanaan sesi pembelajaran. Akan tetapi, data yang diperolehi ini berbeza dengan kajian daripada Mahmood (2014) di mana penulis menyatakan bahawa guru kurang yakin untuk mengajar subjek Sivik ini.

Fullan (2001) dalam Teori Perubahan Pendidikan menyatakan sikap positif guru ke arah pelaksanaan perubahan pendidikan sangat diperlukan pada fasa permulaan. Tahap sikap guru terhadap pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah dilihat pada tiga faktor utama iaitu tahap persepsi, keyakinan dan inisiatif guru tentang penyepaduan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah. Faktor-faktor utama tersebut berada pada tahap yang tinggi dan boleh dianggap positif berdasarkan interpretasi nilai min yang diperolehi. Sikap yang positif dapat membantu guru melakukan sebaik mungkin dalam melaksanakan perubahan bagi menjayakan pelaksanaan pendidikan sivik dalam mata pelajaran sejarah di peringkat pelaksanaan yang akan membawa manfaat kepada murid-murid.

Dari sudut tahap kesediaan guru pula, kajian ini melaporkan tahap kesediaan guru adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini demikian kerana, nilai min yang diperolehi daripada konstruk ini hanyalah 3.97. Secara dasarnya, guru-guru dilihat bersedia untuk menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah memandangkan 28 responden memilih ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ bagi persoalan “Saya bersedia untuk melaksanakan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah Sekolah Rendah pada masa yang ditetapkan.” Hal ini menunjukkan bahawa para responden bersedia dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam

menerapkan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah. Namun yang demikian, timbul kekusaran kerana terdapat juga responden yang memberikan jawapan 'sangat setuju' dan 'setuju' bagi item "Saya berpendapat pelaksanaan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah Sekolah Rendah hanya menambah beban guru", "Saya selesa dengan pengajaran yang tidak dikaitkan dengan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah Sekolah Rendah" dan "Saya berpendapat Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah tidak praktikal untuk dijalankan di sekolah rendah". Hal ini menunjukkan bahawa walaupun guru-guru menyedari kepentingan pendidikan Sivik untuk diintegrasikan dalam subjek sejarah, majoriti daripada mereka sebenarnya berpendapat bahawa usaha ini adalah tidak praktikal serta menambah beban guru sahaja. Faktor pengalaman mungkin mempengaruhi hasil kajian ini memandangkan bahawa kebanyakan guru yang menjadi peserta kajian adalah daripada mereka yang baru berkhidmat selama 1-5 tahun, iaitu meliputi 65.6%. Perkara ini selari dengan kajian yang dibuat oleh Kamaruddin (2016), dimana penulis telah menerangkan bahawa pengalaman mengajar di dalam bidang sains sosial mempengaruhi tahap kesediaan guru dalam mengajar Pendidikan Sivik. Justeru, pihak-pihak berkenaan sewajarnya merancang latihan dan bimbingan kepada guru-guru baharu mengenai kepentingan Pendidikan Sivik untuk diintegrasikan dalam subjek Sejarah di samping mempergiat usaha melengkapkan guru-guru dengan kemahiran yang diperlukan bagi mendepani murid daripada golongan milenial ini.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengetahuan, sikap serta tahap kesediaan guru tentang Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran sejarah dapat membantu guru menjalankan Pendidikan Sivik dengan lebih efektif. Kajian yang dijalankan ini memperlihatkan bahawa warga pendidik yang mengajar Sejarah sekolah rendah daerah Kanowit memiliki pengetahuan dan sikap pada tahap yang tinggi tentang penyepaduan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah. Namun yang demikian, dari sudut kesediaan pula, guru-guru menunjukkan tahap yang sederhana tinggi memandangkan jawapan daripada guru-guru berbeza berteraskan kepada nilai sisihan piawai yang tinggi. Justeru, guru-guru Sejarah harus diberikan kursus dan latihan secara berterusan bagi untuk mendedahkan warga pendidik dengan pengetahuan terkini dan membentuk sikap yang positif semasa menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah. Pengetahuan dan kemahiran guru dapat membantu guru menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Sivik dalam mata pelajaran Sejarah.

Sebagai solusi kepada masalah seperti guru merasakan bahawa proses penyepaduan ini sebagai sesuatu perkara yang membebankan, pihak kementerian pendidikan harus menyediakan modul-modul yang sesuai untuk digunakan di sekolah sebagai panduan guru di sekolah. Modul-modul dalam bentuk digital dan cetak perlu disalurkan ke sekolah bagi memudahkan guru menyepadukan Pendidikan Sivik dalam subjek Sejarah. Modul bercetak yang mencukupi sangat diperlukan terutamanya untuk kegunaan guru yang berkhidmat di sekolah pedalaman.

Bimbingan yang berterusan kepada guru-guru harus dilakukan oleh pihak KPM bagi memastikan Pendidikan Sivik berjaya mencapai matlamat

perlaksanaannya. Guru pakar tentang pelaksanaan Pendidikan Sivik harus turun padang ke sekolah bagi memberikan bimbingan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan. Dicadangkan agar kajian selanjutnya dapat melibatkan keperluan guru-guru dari sekolah pedalaman untuk melihat keperluan-keperluan pelaksanaan Pendidikan Sivik secara bersepadu dengan subjek Sejarah di pedalaman.

10. RUJUKAN

- Ahmad, A., & Jingga, N. (2017). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran Terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1-11.
- Ahmad, A., Siti, H. A. R., & Nur, A. T. A. (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru Sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 53–66.
- Akun, J. C. (2020). Kesediaan Guru Sekolah Rendah Menyepadukan Pendidikan Sivik Dalam Mata Pelajaran. *Jurnal Kurikulum, Bahagian Pembangunan Kurikulum*, 70-83.
- Ambotang, A. S., & Anuar, L. (2023). Pengaruh Pengetahuan Pedagogi, Pengetahuan Kandungan dan Komitmen Guru Terhadap Kualiti Pengajaran. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 50-60.
- Ardi Syazwan Bin Mohamad Dahalan (UKK). (2021, April 26). *Pelaksanaan Pendidikan Sivik Oleh Kementerian Pendidikan Malaysia*. MOE. <https://www.moe.gov.my/soalan-lazim-menu/kurikulum/pelaksanaan-pendidikan-sivik-oleh-kementerian-pendidikan-malaysia>
- Baharuddin Yaakub. 2011. Analisis kajian pemikiran dan peranan pendidik guru dalam pelaksanaan inovasi di peringkat latihan pra perkhidmatan. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru: 33-43.
- Allport, G. W. (1958, January 1). *The Nature of Prejudice*. Doubleday Books.
- Gill, L. dan Dalgarno, B. 2008. Influence on pre-service teacher's preparedness to use ICTs in the classroom. Annual Conference of Australasian Society for Computers in Learning in Tertiary Education (ASCILITE), Melbourne, Australia, hlm. 330-339.
- Hamid, K. A., Ahmad, A., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (n.d.). KEPENTINGAN PENGETAHUAN PEDAGOGI ISI KANDUNGAN (PPIK) BAGI GURU BUKAN OPSYEN DALAM MATA PELAJARAN SEJARAH DI SEKOLAH MENENGAH: SATU KAJIAN RETROSPEKTIF DI MALAYSIA. Proceeding 7th International Seminar on Regional Education, 1, 253–258. <http://ejournal.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/download/3044/2974>
- Hanapi, M. H. M., Raman, Y., Zakaria, N., Syaubari, M., & Othman, M. A. S. (2022). Tahap Kesediaan Guru Terhadap Perlaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Daerah Kuala Langat. *Psychology*, 7(46), 686-693.
- Hooser, P.V. 1998. *Triangle of Success*. Van Hooser Association, Ocala, Florida, USA
- Hurlock, E.B. 1990. *Developmental Psychology: A Lifespan Approach*.
- Irwing, S., Ranjit V. K. (2015). Pelaksanaan Pedagogi yang Efektif dan

- Berkesan. *Jurnal Program Pendidikan*, 5(3), 124-134.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian. *Tesis Dr. Falsafah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*, Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Of, S. F. C., & Trotter, K. (1986, January 1). Kate Trotter, 1986.
- Katz, D. 1960. The functional approach to the study of attitudes. *Public Opinion Quarterly* 24(2): 163-204.
- Mohd Samsudin, and Shahizan Shaharuddin, (2012) Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran sejarah di sekolah di Malaysia = the learning and teaching of history in Malaysian schools. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 39 (2). pp. 116-141. ISSN 2180-0251
- Mok Soon Sang (2010). *Falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd
- Mok Soon Sang (2008). *Psikologi Pendidikan dan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Muhammad Jainuri. (2019). *Pengantar Aplikasi SSPS*. Klang: Hira Institute.
- Mulyanti, K., & Fachrurrozi, A. (2017). Analisis Sikap dan Perilaku Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Program Bank Sampah (Studi Kasus Masyarakat Kelurahan Bahagia Bekasi Utara). *Jurnal Ilmiah Ekonomi Manajemen dan Kewirausahawanan*, 10(2), 154615. <http://jurnal.unismabekasi.ac.id/index.php/optimal/article/view/77>
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2012). *Murid dan Alam Belajar*. Edisi Kemas kini. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- O'Neill, G. (2010, March). Initiating curriculum revision: exploring the practices of educational developers. *International Journal for Academic Development*, 15(1), 61–71. <https://doi.org/10.1080/13601440903529927>
- Rudawska, A. (2017). Students' Team Project Experiences and Their Attitudes Towards Teamwork. *Journal of Management and Business Administration, Central Europe*, 25(1), 78–97. <https://doi.org/10.7206/jmba.ce.2450-7814.190>
- Samsudin, M., & Shaharuddin, S. (2012). Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39(2).
- Taba, H. (1962, January 1). *Curriculum Development; Theory and Practice*.
- Yusof, R. 2003. *Penyelidikan sains sosial*. PTS Publications dan Dist.
- Zagzebski, L. (2017). What is Knowledge? *The Blackwell Guide to Epistemology*, 92–116. <https://doi.org/10.1002/9781405164863.ch3>
- Zamri Mahamod. (2022). *Penulisan Akademik. Teori dan Amalan*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

ENHANCING READING SKILLS AMONG PRIMARY SCHOOL PUPILS USING TUPSIA NLOCOMOTIVE APPROACH

Nurul Intan Hipni Helen Binti Kenol, Shirley Salvina Anak Jeson,
Sharifah Manirah Binti Wan Zain

Sekolah Kebangsaan Tabuan Ulu
*nurulintan788@gmail.com

ABSTRACT

